

## PERKUKUHKAN INTEGRASI SERANTAU, PACU PERTUMBUHAN INKLUSIF, MAMPAN



Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri

**GYEONGJU, REPUBLIK KOREA,**  
Jumaat, 31 Oktober. -  
Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal  
Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji  
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi  
Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam hari ini  
berangkat menghadiri APEC Economic  
Leaders' Informal Dialogue with  
Guests (Session 1) yang berlangsung di  
Gyeongju Hwabaek International  
Convention Center (HICO), Gyeongju,  
Republik Korea.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam ialah  
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri  
Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 4

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum  
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam berangkat  
menghadiri APEC Economic Leaders'  
Informal Dialogue with Guests (Session 1)  
yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek  
International Convention Center (HICO),  
Gyeongju, Republik Korea. - Foto :**  
Muhammad Asri Haji Awang Abas.



## Berita Utama



NBD, Republik Türkiye terus erat  
jalin kerjasama

Muka 8



PELANCARAN RB SkyConnect,  
perkhidmatan sambungan dalam  
penerbangan baharu

Muka 10



MEMPERKUKUH kerjasama  
serantau memulihara ekosistem  
tanah lembap

Muka 19

## Mesyuarat ADMM Ke-19 bersidang di Kuala Lumpur, Malaysia

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA,** Jumaat, 31  
Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri  
Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-19  
berlangsung hari ini di Pusat Konvensyen  
Kuala Lumpur, Malaysia.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh  
Menteri Pertahanan Malaysia, Yang  
Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled  
bin Nordin, selaku Pengerusi ADMM bagi  
tahun 2025.

Mesyuarat ADMM pada tahun ini

mencatatkan satu detik bersejarah apabila  
Timor-Leste menyertai mesyuarat buat  
pertama kalinya sebagai ahli penuh  
ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam  
(NBD) diketuai oleh Menteri  
di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri  
Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu  
Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka  
Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan ialah

Setiasaha Tetap Kementerian Pertahanan,  
Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan  
Haji Alirupendi bin Haji Perudin  
dan pegawai-pegawai dari Kementerian  
Pertahanan.

Juga menghadiri mesyuarat tersebut  
ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi  
Negara Brunei Darussalam ke Malaysia,  
Mohd. Aizul Hakim bin Pehin OKIP Dato  
Seri Setia Haji Suyoi.

>> Muka 6



MEMAHAMI algoritma,  
kelebihannya, kekurangannya

Muka 27



# Shell LiveWIRE penting dalam mewujudkan ruang inovasi sejajar keutamaan negara

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

NI adalah satu penghormatan kepada saya menyertai awda sebagai tetamu kehormat di Edisi Ke-18 Anugerah Perniagaan Shell LiveWIRE Brunei. Saya ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada Brunei Shell Petroleum (BSP) dan pasukan Shell LiveWIRE Brunei atas dedikasi mereka yang bersungguh-sungguh dalam memperkasa para usahawan tempatan kita.

Shell LiveWIRE Brunei adalah lebih dari sebuah program, ia merupakan pelaburan sosial utama BSP di bawah Shell LiveWIRE yang telah dilaksanakan di lebih 18 negara dan telah membantu beribu-ribu usahawan yang bercita-cita tinggi dalam mengubah idea-idea mereka menjadi perniagaan yang berdaya maju. Sejak penubuhannya pada 2001, Shell LiveWIRE Brunei telah memberi sumbangan besar kepada matlamat pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan memupuk inovasi dan keusahawanan. Percikan inovasi ini, yang pernah dinyalakan, mempunyai kuasa untuk membentuk bukan sahaja masa depan perniagaan kita tetapi masa depan negara kita.

Anugerah hari ini bukan hanya satu pengiktirafan terhadap pencapaian, ia merupakan satu titik pemeriksaan dalam ekosistem Startup673, yang terus berkembang melalui kerjasama antara pemegang kepentingan utama. Seperti yang telah ditekankan oleh Awang Mohd. Erwan, Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, ekosistem ini direka untuk menyokong usahawan daripada idea kepada pertumbuhan dan acara hari ini menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan tersebut.

Selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), sukacita saya menyatakan bahawa usaha kerjasama antara BEDB dan Shell LiveWIRE Brunei adalah penting, terutamanya dalam inisiatif seperti Makmal Inovasi Brunei (BIL) dan Startup673. Perkongsian ini penting dalam mewujudkan ruang untuk inovasi, dan kami mengalu-alukan lebih banyak kerjasama yang sejajar dengan keutamaan negara kita.

Kami melihat tanda-tanda pertumbuhan yang menggalakkan dalam ekosistem keusahawanan kami :

i. Peningkatan dalam bilangan dan idea-idea kreatif, terutama di kalangan belia kita.

ii. Startups menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kerajaan dan sektor-sektor kebangsaan, menyumbang kepada transformasi digital dan inovasi sektor awam.

iii. Startups berkembang melangkaui sempadan Brunei, menyertai platform-platform serantau dan misi-misi perdagangan; dan

iv. Sokongan daripada pelbagai agensi, makmal inovasi dan program-program kerjasama yang muncul di sektor awam dan swasta.

Secara keseluruhan, momentum ini mencerminkan komitmen bersama kami untuk membina ekonomi yang berdaya tahan, pelbagai dan bersedia untuk masa hadapan.

Sedang kita menghargai beberapa pencapaian kita, kita juga mengiktiraf bahawa para usahawan terus menghadapi cabaran-cabaran lain sepanjang perjalanan mereka. Sementara Shell LiveWIRE telah menyediakan latihan dan pengiktirafan

yang tidak ternilai, usahawan juga memerlukan bimbingan yang berterusan, sokongan pensijilan praktikal, dan akses yang lebih kukuh kepada rangkaian serantau di luar sempadan kita. Ini adalah beberapa peluang di dalam bidang-bidang yang membina untuk kita semua terus bekerjasama di dalam meningkatkan lagi peranan belia kita dan dalam ekosistem keusahawanan kita. Saya yakin bahawa melalui kerjasama rapat antara Shell LiveWIRE, agensi-agensi kerajaan, dan sektor swasta, kita boleh memastikan bahawa semangat keusahawanan bukan sahaja dinyalakan, tetapi dipupuk dan dikekalkan, memacu wawasan negara jangka panjang kita ke hadapan.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, BEDB terus mengukuhkan ekosistem keusahawanan melalui sokongan menyeluruh daripada menyediakan ruang-ruang industri dan hab inkubasi seperti iCentre dan Kontena Park, untuk memudahkan akses kepada pembiayaan, latihan, dan peluang pasaran. Inisiatif-inisiatif ini direka untuk memupuk perniagaan di setiap peringkat, membolehkan para usahawan kita untuk berinovasi, berkembang, dan bersaing di peringkat serantau dan seterusnya.

Usahawan-usahawan Brunei semakin berkembang melangkaui sempadan kita. Melalui platform seperti Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) dan Brunei-Guangxi Economic Corridor (BGEC), kami sedang meneroka peluang dalam ICT, akuakultur, logistik dan pelancongan. Usaha-usaha ini diperkukuhkan lagi dengan inisiatif-inisiatif terbaharu seperti Brunei Week in Singapore dan Misi Perniagaan Brunei-Australia, yang



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Anugerah Perniagaan Shell LiveWIRE Brunei Ke-18 pada Rabu, 8 Oktober 2025 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Ak. Jefferi Pg. Durahman

mencerminkan komitmen kami untuk memupuk perkongsian ekonomi yang bermakna dan meluaskan kehadiran NBD di seluruh pasaran-pasaran serantau.

>> Muka 7

| WAKTU SEMBAHYANG  |        |                       |       |       |        |      |       |      |         |       |
|-------------------|--------|-----------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| NOVEMBER<br>MASIH | HARI   | JAMADILAWAL<br>HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 1                 | SABTU  | 10                    | 4.36  | 4.46  | 6.05   | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 2                 | AHAD   | 11                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 3                 | ISNIN  | 12                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 4                 | SELASA | 13                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02    | 7.13  |
| 5                 | RABU   | 14                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02    | 7.13  |
| 6                 | KHAMIS | 15                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02    | 7.13  |
| 7                 | JUMAAT | 16                    | 4.36  | 4.46  | 6.06   | 6.29 | 12.05 | 3.26 | 6.02    | 7.13  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| SABTU                | AHAD           | ISNIN          |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 35<br>25<br>°C       | 34<br>25<br>°C | 32<br>24<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 35<br>25<br>°C       | 34<br>24<br>°C | 32<br>24<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 34<br>24<br>°C       | 33<br>24<br>°C | 33<br>24<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 35<br>24<br>°C       | 34<br>24<br>°C | 33<br>24<br>°C |  |

Wallahuallah Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 1 NOVEMBER 2025

### Menyumbang kepada masyarakat, tunjang pembangunan mampan

**M**ASYARAKAT yang harmoni dan sejahtera dibina melalui sumbangan dan komitmen setiap ahlinya. Menyumbang kepada masyarakat, sama ada melalui tenaga, buah fikiran, atau sumber kewangan, bukan sekadar perbuatan mulia, malah ia adalah tunjang kepada pembangunan kolektif yang mampan. Kepentingannya merangkumi pelbagai dimensi, daripada membina individu sehingga mengukuhkan negara.

Sumbangan kepada masyarakat memperkukuh perpaduan dan jalinan sosial. Apabila kita terlibat dalam kerja sukarela atau projek komuniti, kita berinteraksi dengan individu daripada latar belakang yang berbeza. Interaksi ini memupuk rasa hormat-menghormati, empati dan persefahaman, seterusnya merapatkan jurang sosial. Nilai-nilai seperti ini amat berharga untuk memelihara keamanan dan kestabilan. Seterusnya, sumbangan individu secara kolektif mendorong pembangunan ekonomi dan sosial. Tenaga sukarelawan dapat menggerakkan program bimbingan, pemulihan alam sekitar, atau khidmat sokongan yang mungkin tidak terjangkau oleh agensi kerajaan. Setiap sumbangan, tidak kira kecil, menyumbang kepada ekosistem yang lebih berdaya tahan dan penyayang. Ia menggerakkan roda kemajuan dari akar umbi.

Pada peringkat individu, tindakan menyumbang memberikan kepuasan psikologi yang mendalam. Perasaan dihargai dan dapat membuat perubahan positif meningkatkan harga diri dan mengurangkan tekanan. Ia juga membuka peluang untuk mengembangkan kemahiran baharu, seperti kepimpinan dan komunikasi, yang berharga dalam kehidupan peribadi dan kerjaya. Menyumbang kepada masyarakat menanamkan rasa tanggungjawab dan patriotisme. Ia mengingatkan kita bahawa kesejahteraan kita terikat rapat dengan kesejahteraan komuniti. Dengan membentuk generasi yang prihatin, kita memastikan kelangsungan budaya saling membantu untuk masa depan.

Dari perspektif Islam, menyumbang kepada masyarakat adalah amalan penting yang berkaitan dengan teras akidah. Ibadah seperti menunaikan zakat, dapat dilihat sebagai salah satu cara Islam mengajar kita kepentingan menyumbang dan memberi, ia juga boleh dilihat sebagai cara kita sama-sama menjaga sesama kita. Zakat itu wajib kerana ia merupakan rukun Islam yang kelima, ia membersihkan dan menyucikan harta, membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mengurangkan jurang perbezaan, dan menyuburkan sifat syukur dalam diri dan memperbaiki hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kesimpulannya, menyumbang kepada masyarakat adalah pelaburan yang tidak ternilai. Ia adalah benih yang ditanam hari ini untuk menumbuhkan sebuah komuniti yang lebih kuat, penyayang, dan mampan untuk semua generasi akan datang. Setiap daripada kita mempunyai peranan untuk dimainkan, dan bersama-sama, kita boleh mencipta impak yang berkekalan. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# KERJASAMA BERTERUSAN THAILAND DALAM MEMPERKUKUH KESELAMATAN MAKANAN NBD



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**GYEONGJU, REPUBLIK KOREA**, Jumaat, 31 Oktober. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama

Anutin Charnvirakul yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), hari ini. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).

Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Pada Majlis Perjumpaan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa kedua-dua negara telah menikmati hubungan yang telah lama terjalin dan erat dalam bidang-bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan,

pertahanan dan pertukaran antara rakyat dan menghargai sokongan berterusan Thailand dalam keselamatan makanan Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya dalam pembekalan beras dan gula serta penubuhan nurseri NBD baru-baru ini. Kedua-dua pemimpin juga bertukar pandangan mengenai



**APEC 2025 KOREA**

isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Baginda merakamkan ucapan selamat maju jaya bagi persiapan Sukan SEA pada bulan Disember 2025, dan mengalu-alukan Perdana Menteri untuk mengadakan lawatan ke NBD pada tarikh yang sesuai.

NBD dan Thailand mempunyai hubungan dua hala yang kukuh dan rapat dan bekerjasama dalam bidang-bidang perdagangan, pertanian dan pertahanan serta pertukaran dan kerjasama antara rakyat melalui ASEAN.

Kedua-dua negara mengesahkan komitmen mereka untuk mengukuhkan hubungan, termasuk melalui lawatan peringkat tinggi dan mekanisme sedia ada seperti Joint Commission on Bilateral Cooperation (JCBC).

## Usaha sama sektor tenaga NBD, Republik Sosialis Viet Nam berjalan baik, dipertingkatkan

**GYEONGJU, REPUBLIK KOREA**, Jumaat, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Chuong yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam perjumpaan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan Perkongsian Komprehensif yang kukuh dalam bidang perdagangan, tenaga dan pertukaran antara rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Sosialis Viet Nam, dengan hubungan perdagangan

khususnya dalam akuakultur dan kerjasama halal, diperkukuhkan lagi oleh Pelan Tindakan.

Usaha sama dalam sektor tenaga berjalan dengan baik, oleh itu, baginda mengalu-alukan untuk aktiviti penerokaan minyak dan gas dipertingkatkan.

Baginda seterusnya menzahirkan ucapan tahniah

kepada Republik Sosialis Viet Nam atas pemilihan semulanya ke Majlis Hak Asasi Manusia PBB (2026-2028) dan yakin bahawa Republik Sosialis Viet Nam akan menyumbang kepada perlindungan hak asasi manusia.

Perbincangan juga merangkumi isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai

kepentingan bersama.

Hubungan dua hala antara NBD dan Republik Sosialis Viet Nam adalah menyeluruh dan berkepentingan bersama. Hubungan diplomatik telah ditubuhkan pada 29 Februari 1992 dan telah dinaik taraf kepada Perkongsian Komprehensif pada tahun 2019.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Chuong. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).



# NBD, NEW ZEALAND KUKUHKAN JALINAN BERKEKALAN DALAM PERDAGANGAN, PERTAHANAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**GYEONGJU, REPUBLIK KOREA,** Jumaat, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand, The Right Honourable Christopher Luxon yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), hari ini. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengetengahkan hubungan berkekalan dalam bidang perdagangan, pertahanan dan pertukaran antara rakyat yang terus dinikmati oleh kedua-dua buah negara. New Zealand adalah rakan lama serta rakan dagang yang penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, baginda mengalu-alukan lebih banyak peluang untuk mengukuhkan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri New Zealand, The Right Honourable Christopher Luxon. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).

hubungan ekonomi dan juga hasrat New Zealand untuk bekerjasama dalam keselamatan makanan dan makanan halal.

Selain itu, baginda menekankan hubungan antara rakyat sebagai aspek penting kerjasama dua hala, yang mendekatkan rakyat kedua-dua buah negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjemput Perdana Menteri New Zealand untuk mengadakan lawatan ke NBD pada tarikh yang sesuai.

Hubungan dua hala antara NBD

dan New Zealand telah ditubuhkan pada 5 Mei 1984. Kedua-dua buah negara menikmati hubungan akrab dan mesra, yang dibina berdasarkan hubungan diplomatik dan dikukuhkan lagi melalui keahlian bersama dalam forum-forum utama serantau dan antarabangsa. Kerjasama antara kedua-dua negara termasuk pendidikan, pertahanan, perdagangan, pelaburan serta hubungan budaya dan antara rakyat.



**APEC 2025  
KOREA**

## Perkukuhkan integrasi serantau, pacu pertumbuhan inklusif, mampan



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Awang Haji Abdul Azeez POKLP Mejar Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar



**KEBERANGKATAN** tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO) dialu-alukan oleh Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung, sebagai Pengerusi APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) (kiri). Manakala gambar atas, sekitar keberangkatan baginda.

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO) dialu-alukan oleh Presiden

Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung, sebagai Pengerusi APEC Economic Leaders' Meeting (AELM).

Dalam APEC Economic Leaders' Informal Dialogue with Guests (Session 1), Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam titah, menekankan bahawa

ketidaktentuan global yang semakin meningkat dan perubahan teknologi yang pesat memerlukan kerjasama yang diperbaharui untuk memastikan rantau ini sentiasa terhubung, berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan.

>> Muka 5





>> Muka 4

Titah baginda, APEC mesti terus menggalakkan sistem perdagangan pelbagai hala yang terbuka, adil dan berasaskan peraturan, dengan WTO sebagai terasnya. Kerjasama antara sektor awam dan swasta yang kukuh adalah perlu untuk menangani cabaran, dalam mana

transformasi digital, dan meningkatkan kemahiran untuk masa depan adalah utama untuk memperkasakan perniagaan dan mengukuhkan integrasi serantau, serta memacu pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) adalah teras kepada

usaha ini.

Sesi tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Korea.

Juga hadir adalah pemimpin-pemimpin dari Kanada, Thailand, Jepun dan His Highness Putera Mahkota Emiriah Arab Bersatu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman pada mesyuarat berkenaan (kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan berbual mesra bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Informal Dialogue with Guests (Session 1).



SESI tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Korea (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama para pemimpin yang hadir ke mesyuarat tersebut (atas kanan, kanan dan kanan sekali).





# BERANGKAT TIBA DI BUSAN, REPUBLIK KOREA



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,**  
**Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BUSAN**, Khamis, 30 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Busan, Republik Korea, hari ini, bagi menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders' Meeting (AELM) yang diadakan di Gyeongju pada 31 Oktober hingga 1 November 2025.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Gimhae Airbase, Kebawah

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kanan sekali).

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan dengan Barisan Kawalan Kehormatan Statik terdiri daripada Kawalan Kehormatan Tentera Udara Republik Korea dan dialu-alukan oleh Ambassador Kimo Lim of the Preparatory Office for the APEC 2025.

Keberangkatan tiba Kebawah



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Busan, Republik Korea. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, atas kiri dan bawah kiri).

Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin

Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Nooriyah binti Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof.

Dengan membawa tema

'Building a Sustainable Tomorrow: Connect, Innovate, Prosper', Republik Korea selaku tuan rumah bagi APEC pada tahun ini, berhasrat untuk memajukan rantau Asia-Pasifik yang terbuka, berdaya tahan dan aman, sejajar dengan APEC Putrajaya Vision 2040.



## Mesyuarat ADMM Ke-19 bersidang di Kuala Lumpur, Malaysia



**MESYUARAT** Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Kali Ke-19 yang bersidang di Kuala Lumpur, Malaysia pada 30 Oktober 2025.

dilaksanakan dan dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia, selaku Pengerusi ADMM, dan Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun.

Ini diikuti dengan Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-India yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled dan Menteri Pertahanan Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Rajnath Singh.

NBD turut mengadakan pertemuan-pertemuan dua hala secara berasingan dengan Malaysia dan Republik Demokratik Timor-Leste.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada ADMM-Plus Ke-12 pada keesokan harinya, 1 November 2025.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

>> Muka 1

Dengan tema 'ASEAN Unity for Security and Prosperity', Mesyuarat ADMM Ke-19 berjaya menerima pakai 10 inisiatif

ADMM, jumlah tertinggi pernah dicapai dalam tempoh setahun, termasuk The Third Additional Protocol to the Concept Papers on the Establishment of the ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) and ADMM-Plus.

Mesyuarat juga mencapai kesepakatan dalam menerima-pakai kenyataan Joint Statement by the ASEAN Defence Ministers on the Implementation of the ASEAN Political-Security Community (APSC) Strategic Plan of the ASEAN Community Vision 2045, dan deklarasi Kuala Lumpur

Joint Declaration of the ASEAN Defence Ministers' Meeting on ASEAN Unity for Security and Prosperity.

Beberapa sidang lain juga diadakan di samping Mesyuarat ADMM Ke-19. Majlis Makan Tengah Hari Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-China telah



# Mesyyuarat MBK fokus kesiapsiagaan negara



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Oktober. - Mesyyuarat Majlis Bencana Kebangsaan (MBK) Kali Ke-2 bagi Tahun 2025 telah dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Mesyyuarat MBK berlangsung Dewan Serbaguna, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di sini.

Dalam ucapan pembukaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menzahirkan penghargaan terhadap komitmen semua agensi dalam memperkukuhkan daya tahan negara terhadap bencana.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan keperluan kesiapsiagaan berterusan selaras dengan komitmen serantau ASEAN di bawah dasar 'One ASEAN, One Response' dan Perjanjian ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response

(AADMER). "Keperluan bagi memastikan usaha untuk mewujudkan kumpulan Urban Search and Rescue (USAR) negara yang mendapat pengklasifikasian antarabangsa dapat dicapai. Pasukan ini akan diselaras oleh NDMC dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Kementerian Pembangunan.

"Bagi tujuan perancangan dan koordinasi, mesyyuarat mencadangkan pembentukan Pasukan Pengurusan Projek (Project Management Team) untuk menyelaras keperluan latihan, peralatan dan kos penubuhan pasukan USAR negara," tegas Yang Berhormat.

Mesyyuarat MBK kali ini telah mendengarkan pembentangan mengenai penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Latihan Simulasi ASEAN Regional Disaster Emergency Response Simulation Exercise



**MESYYUARAT** Majlis Bencana Kebangsaan (MBK) Kali Ke-2 bagi Tahun 2025 dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Mesyyuarat MBK. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Timbalan Pengerusi Bersama (atas dan atas kiri).

(ARDEX-25) yang berlangsung di Phnom Penh, Kemboja pada 22 hingga 24 Julai 2025.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Dayang Ruhaidah binti Haji Rusli.

Semasa sesi perkongsian, beliau memaklumkan bahawa penyertaan NBD dalam Latihan ARDEX-25 telah meningkatkan kapasiti dan kepakaran pasukan tindak balas bencana negara. Selain itu, ia telah memperkukuhkan koordinasi antara agensi peringkat kebangsaan dan seranta serta mengenal pasti jurang yang perlu diperbaiki dalam aspek kesiapsiagaan negara.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

Mesyyuarat mengalu-alukan perancangan pelaksanaan Latihan Bencana Kebangsaan 2026 (LBK-26) sebagai platform menyeluruh untuk menguji keberkesanan National Standard Operating Procedure (NaSOP) dan pengintegrasian dengan SOP-SOP dari agensi-agensi yang lain.

Di samping itu, Yang Berhormat juga turut mencadangkan agar Latihan Bencana Kebangsaan yang dirancang itu nanti akan mensimulasikan senario ekstrem seperti gempa bumi, tsunami dan gegaran, bagi menilai ketahanan logistik dan komunikasi serta perlindungan aset kritikal negara.

Yang Berhormat menegaskan bahawa kerjasama erat semua Ahli MBK adalah kunci kepada kejayaan usaha ini dan berharap semua pandangan dan cadangan strategik dimanfaatkan bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan negara.

Mesyyuarat turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Bersama serta Ahli MBK yang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



**MAJLIS** Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas dan bawah).



## 19 PEGAWAI KANAN ABDB DINAIKKAN PANGKAT

**BOLKIAH GARISON,** Jumaat, 31 Oktober. - Atas titah perkenan Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 19 Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diperkenankan untuk dinaikkan pangkat, hari ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai tujuh pegawai dinaikkan pangkat daripada Leftenan Kolonel / Komander (TLDB) ke Kolonel / Kepten (TLDB) Tetap, manakala 12 pegawai dinaikkan pangkat daripada Pemangku Leftenan Kolonel ke Leftenan Kolonel Tetap.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison, di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Poh Kui Choon; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan

■ **Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**  
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

Doa Selamat yang dipimpin oleh (JAMA'AT), Mejar  
Pegawai Turus Gerakan Agama, Narulismandy@Anwar Hadi bin  
Jabatanarah Agama ABDB Haji Samaih.

### HALUAN

>> Muka 2

Di peringkat serantau, peningkatan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) yang dijangka ditandatangani akhir bulan ini akan membantu meningkatkan akses pasaran dan mewujudkan peluang-peluang baharu untuk syarikat-syarikat kita mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam rantaian nilai serantau. Seiring dengan itu, kemajuan yang berterusan dalam Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) akan membantu menyediakan asas bagi kerjasama yang lebih erat dalam ruang digital, menyokong perjalanan NBD sendiri ke arah Ekonomi Digital yang bertenaga. Dengan menyelaraskan usaha-usaha ini, kami berharap untuk mewujudkan peluang-peluang baharu bagi perniagaan kita untuk berkembang, meneroka sektor-sektor baharu muncul, dan berkembang di peringkat serantau.

Penglibatan dan inisiatif-inisiatif serantau ini adalah penting kerana kita meletakkan NBD sebagai pemain yang berdaya saing dalam ekonomi inovasi global. Para usahawan adalah arkitek masa hadapan kita; idea-idea mereka, apabila dipupuk, menjadi enjin pertumbuhan dan transformasi. Kami menggesa semua peniaga-peniaga untuk merebut peluang-peluang ini, untuk visi dan tindakan awda, boleh mengubah potensi menjadi kejayaan sebenar dan mewujudkan kesan yang berkekalan.

Kepada semua usahawan yang bercita-cita di sini hari ini, terima kasih atas sumbangan awda. Kepada Shell LiveWIRE Brunei, terima kasih atas komitmen dan sokongan awda. Usaha awda bukan sahaja mewujudkan pekerjaan dan membuka peluang-peluang baharu, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi yang lebih pelbagai dan berdaya tahan, membawa kita semakin dekat dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Saya mengucapkan yang terbaik kepada semua peserta. Semoga perjalanan awda terus mencetuskan inspirasi dalam diri orang lain, dan semoga kesan kerja awda bergema di seluruh negara kita dan seterusnya.

Terima kasih.  
Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



# NBD, REPUBLIK TÜRKIYE TERUS ERAT JALIN KERJASAMA



**GADONG**, Khamis, 30 Oktober. - Kedutaan Republik Türkiye di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-102 Pengisytiharan Republik Türkiye berlangsung di Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri, Datin Fadzlin binti Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Türkiye.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dalam ucapannya berkata bahawa persahabatan kukuh antara Republik Türkiye dan NBD terjalin melalui nilai-nilai yang sama, saling menghormati dan semangat solidariti yang melangkaui jarak.

Menurut Tuan Yang Terutama, Lawatan Negara bersejarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Türkiye pada Mac 2023 telah memberi momentum baharu dan pengukuhan kepada hubungan dua hala.

"Penandatanganan lima dokumen dalam bidang pertahanan, perundingan dua hala, kebudayaan, pendidikan, dan arkib negara telah membuka jalan ke arah kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan.

"Sementara itu, diplomasi budaya terus menjadi jambatan penting yang menghubungkan kedua-dua negara kita. Melalui inisiatif seperti bengkel dan Kursus Seni Ebru (lukisan di atas air), kami telah memperkenalkan keindahan seni dan budaya Türkiye kepada rakyat Brunei," ujar TYT.

TYT seterusnya berkata, kerjasama antara kedua-dua buah negara turut meliputi bidang pendidikan dan biasiswa di mana Republik Türkiye terus menawarkan biasiswa kerajaan kepada pelajar cemerlang antarabangsa dari seluruh dunia, memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti kami serta menjadi duta budaya apabila mereka kembali ke negara masing-masing.

"Kami berbesar hati menggalakkan lebih ramai pelajar Brunei untuk menyertai 350,000 pelajar daripada 172 negara yang memohon program ini, bagi memperkukuh jambatan persefahaman antara kedua-dua negara kita," ujar TYT.

Sementara di peringkat antarabangsa, Republik Türkiye dan NBD tambah TYT terus melaksanakan agenda yang positif dan konstruktif, bekerjasama

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman**  
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri, Datin Fadzlin binti Haji Hashim hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-102 Pengisytiharan Republik Türkiye (atas dan atas kiri).

rapat dalam pertubuhan pelbagai hala seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan ASEAN.

Mengakhiri ucapannya, TYT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan baginda atas layanan mesra, persahabatan, dan kerjasama yang amat bernilai yang telah diberikan. Majlis disusuli dengan

penyampaian cenderamata oleh TYT Profesor Dr. Hamit Ersoy kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Datin, diikuti dengan sesi memotong kek.

Acara juga diserikan dengan persembahan sajak serta demonstrasi seni Ebru oleh Puan Lale Ersoy, isteri TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD. Pada majlis itu, para jemputan juga disajikan dengan pelbagai makanan ala Türkiye yang disediakan oleh cef-cef jemputan.

## 789 graduan IBTE dirai dalam Majlis Konvokesyen Ke-33

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**  
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Oktober. - Seramai 789 graduan menerima Sijil NTec masing-masing pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-33 yang diteruskan pada sebelah petang, diikuti dengan penyampaian Anugerah Akademik Cemerlang dan Anugerah Cemerlang STARS.

Majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil serta anugerah kepada para graduan ialah Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah juga selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat

yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok, Awang Aiman Hafizunizam bin Mohammad Zaimeerol.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian Sijil-sijil NTec kepada para graduan dan dua kategori anugerah iaitu Anugerah Academic Excellence Award dan Anugerah STARS Excellence Award.

Anugerah Academic Excellence Award merupakan anugerah khas diberikan kepada pelajar yang lulus dengan cemerlang kesemua modul dalam percubaan pertama, mencapai keputusan akademik minima 80 peratus, mempunyai rekod kedatangan minima 95 peratus bagi kedatangan institusi dan 95 atau 100 peratus bagi kedatangan latihan penempatan, menunjukkan sikap dan disiplin yang cemerlang, bermotivasi dan

tidak pernah dikenakan apa jua bentuk tindakan disiplin dan aktif dalam aktiviti yang dianjurkan di peringkat sekolah, daerah, masyarakat ataupun pernah mewakili negara ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Para penerima terdiri daripada Dayang Nur Azmina binti Hapidshah, pelajar Assistant Nurse (General Nursing) dari School of Agro-Technology and Applied Sciences; Dayang Nurdamia Batrisyia binti Mohammad Shansafie, pelajar Business Management dari School of Business; Dayang Nurul Amirah binti Zulkifli, pelajar Building Craft dari School of Building Technology Services; Dayangku Wafaa' Wa'ieyah binti Pengiran Kharulzaman, pelajar Information Technology dari School of Information and Communication Technology; Awang Muhammad Hanif bin Abdullah Minggu, Noorasrul Johnnyrah bin Minggu, pelajar Industrial Machining and Maintenance dari School of Energy and Engineering Satellite; dan Dayang Nur Afifah binti Kamaluddin, pelajar Culinary Operations dari School of Hospitality and Tourism.

Sementara Anugerah STARS Excellence Award diberikan kepada pelajar berdasarkan kepada kejayaan pelajar menamatkan program, mencapai mata STARS tertinggi, mempunyai rekod kedatangan minima 85 peratus bagi kedatangan institusi dan 95 atau 100 peratus bagi kedatangan latihan penempatan, menunjukkan sikap dan disiplin yang cemerlang, bermotivasi dan tidak pernah dikenakan apa jua bentuk tindakan disiplin, aktif dalam aktiviti yang dianjurkan di peringkat sekolah, daerah, masyarakat ataupun pernah mewakili negara



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil serta anugerah kepada para graduan.

ke peringkat serantau dan antarabangsa, dan menyertai segala aktiviti yang dianjurkan dan diluluskan oleh Ketua Kampus IBTE STARS.

Para penerima terdiri daripada pelajar School of Agro-Technology and Applied Sciences, 19360 Koperal Awang Mohammed Al-Nazirul bin Haji Sibodaud jurusan Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal in Assistant Nurse (General Nursing); pelajar dari School of Business, Dayang Siti Maisyarah Faizah binti Zanuddin jurusan Business Management; dan pelajar dari School of Hospitality and Tourism, Awang Mohammad Danish Nurirfan bin Noorajimi jurusan Culinary Operations.

Turut hadir pada Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-33 ialah Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE, pegawai-pegawai dan

tenaga pengajar IBTE, serta para ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang diraikan.

Pada tahun ini, seramai 1,886 graduan yang mengikuti pelbagai program latihan di IBTE telah diraikan.

Daripada jumlah berkenaan, 24 graduan menerima Sijil Akademik TVET; 63 graduan menerima sijil Diploma (Peringkat 5); 1,010 graduan menerima Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal (HNTec); 782 graduan menerima Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTec) dan 7 graduan menerima Sijil Perantisan Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTec Apprenticeship).

Majlis dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi dan sesi petang yang mana jumlah graduan bagi sesi pagi adalah seramai 1,097 graduan dan seramai 789 graduan bagi sesi petang.



PARA ibu bapa yang hadir pada majlis tersebut.



# KELESTARIAN TUNJANG PENTING PENDIDIKAN, TVET

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Khamis, 30 Oktober. - Institusi pendidikan perlu bijak menggabungkan teknologi dengan pendekatan tradisional Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran perlu memperkukuhkan pengalaman pembelajaran pelajar dan bukannya menggantikan pengalaman pembelajaran tradisional.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berucap demikian pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei Kali Ke-33, Tahun 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Yang Berhormat menegaskan, gunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) sebagai alat bantu untuk menganalisis, mereka bentuk dan mempercepatkan pembelajaran tetapi jangan sesekali meninggalkan latihan praktikal, pembelajaran berasaskan pengalaman dan nilai etika kerja.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan bahawa kita kini berada di ambang revolusi teknologi yang dipacu oleh AI dan automasi. Dunia pekerjaan berubah dengan pantas,

kemahiran baharu muncul dan sebahagian tugas manusia diambil alih oleh mesin serta algoritma.

Namun begitu, tegas Yang Berhormat, dalam keghairahan kita mengejar kemajuan teknologi, nilai asas TVET iaitu kemahiran tangan, kepakaran teknikal dan pengalaman praktikal tetap kekal relevan dan mustahak. AI boleh meniru data, tetapi ia tidak dapat meniru sentuhan manusia, kreativiti, dan naluri menyelesaikan masalah dunia sebenar.

"Inilah kekuatan sebenar TVET – melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berilmu, tetapi berkemahiran tinggi, sentiasa berinovasi, dan berupaya menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan. Saya percaya bahawa IBTE telah menyediakan asas yang kukuh bagi graduan untuk menjadi peneraju dalam era Revolusi Industri Ke-4 ini, di mana inovasi dan kreativiti adalah sangat penting," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, mengintegrasikan peralatan digital dan teknologi baharu, khususnya AI, ke dalam TVET adalah penting bagi memastikan graduan TVET kekal berdaya saing serta selaras dengan keperluan industri masa hadapan, di samping memastikan tenaga kerja negara terus mampu menyesuaikan diri dengan perubahan.

"Pelajar masih memerlukan pengalaman pembelajaran yang bersifat sosial, interaktif dan kreatif untuk memudahkan proses pembelajaran serta dalam masa yang sama mengekalkan nilai-nilai murni dan sosial masyarakat. Kerana dari bengkel, makmal, kelas dan projek sebenar inilah lahir kemahiran sejati yang membentuk bukan sekadar pekerja, tetapi insan yang berfikir, berinovasi dan berintegriti," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, aspek kelestarian semakin menjadi tunjang penting dalam bidang pendidikan, termasuklah TVET. Kemahiran hari ini bukan hanya untuk membina masa depan yang produktif, tetapi juga masa depan lestari yang memelihara alam sekitar, mengoptimalkan sumber dan menyokong pembangunan mampan.

Tegas Yang Berhormat lagi, negara memerlukan tenaga kerja TVET yang mampu merancang, membina dan menyelenggara sistem yang mesra alam daripada tenaga boleh diperbaharui, kejuruteraan hijau, hinggalah kepada amalan kerja yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Saya ingin menyeru pihak IBTE agar terus memperkasa usaha dalam melaksanakan program latihan yang menggalakkan para pelajar untuk mengamalkan nilai kelestarian melalui pendekatan inovatif.

"Semoga melalui inisiatif seperti ini, IBTE dapat melahirkan bukan sahaja tenaga kerja yang berkemahiran, tetapi juga generasi yang berjiwa lestari dan mampu menjadi pemimpin dalam memacu pembangunan lestari dalam sektor-sektor yang mereka ceburi," kata Yang Berhormat.

Kemahiran teknikal jelasnya, mungkin membuka pintu kepada peluang, namun nilai-nilai murni, keupayaan untuk menangani cabaran dan menyesuaikan diri dengan perubahan, serta memiliki *growth mindset* iaitu keinginan untuk terus belajar dan berkembang, yang akan memastikan pintu itu kekal terbuka.

"Awda adalah aset kepada negara, dan saya berharap awda menjadi pencetus perubahan yang membawa manfaat dan mencipta impak positif kepada masyarakat dan negara," ujarinya.

Yang Berhormat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Majlis Konvokesyen ini bukan sekadar simbol kejayaan akademik para graduan tetapi ia juga lambang kecekalan, kreativiti dan komitmen mereka untuk terus melangkah ke hadapan.

Seterusnya Yang Berhormat berharap agar para graduan akan terus menerapkan nilai-nilai ini di dalam diri masing-masing, kerana nilai inilah yang menjadi asas



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa berucap pada majlis berkenaan.**

kepada profesionalisme.

"Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada insan-insan yang sentiasa berada di sisi para graduan sepanjang waktu pengajian mereka di IBTE iaitu para ibu bapa dan penjaga yang sentiasa mendoakan dan menyemai semangat dengan penuh kasih saying serta para pensyarah dan tenaga pengajar yang telah mencurahkan ilmu dan memberikan bimbingan dengan penuh rasa sabar dan ikhlas. Sesungguhnya kejayaan graduan yang kita raikan hari ini adalah pantulan daripada usaha gigih, doa yang tidak putus, dan kasih sayang yang tulus daripada awda," ujar Yang Berhormat lagi.

## Majlis Konvokesyen raikan 1,886 graduan IBTE



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan sijil kepada para penerima pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-33 (atas dan kanan).**

**BERAKAS**, Khamis, 30 Oktober. - Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-33 meraikan seramai 1,886 graduan yang mengikuti pelbagai program latihan di IBTE berkenaan dan dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi seramai 1,097 graduan dan seramai 789 graduan bagi sesi petang yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Daripada jumlah berkenaan, 24 graduan menerima Sijil Akademi TVET, 63 graduan menerima sijil Diploma (Peringkat 5), 1,010 graduan menerima Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal (HNTec), 782 graduan menerima Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTec) dan tujuh graduan menerima Sijil Perantisan Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTec Apprenticeship).

Penyampaian Sijil Akademi TVET, Sijil Diploma (Peringkat 5) dan Sijil Tertinggi Kebangsaan

Pendidikan Teknikal (HNTec) pagi tadi telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Terdahulu, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa dunia hari ini berubah dengan begitu pantas. Teknologi digital, Kecerdasan Buatan (AI) dan automasi sedang merombak cara kita bekerja, belajar dan hidup.

Dalam arus perubahan ini, jelasnya, TVET bukan lagi pilihan kedua - tetapi nadi utama dalam membentuk tenaga kerja masa hadapan yang kompeten dan berdaya tahan. Dr. Haji Mohd. Zamri menekankan, IBTE terus memperkukuh program-programnya agar selaras dengan kemajuan teknologi dan kehendak industri.

"Kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan kurikulum, memperluas kolaborasi antarabangsa, dan memperkukuh kerjasama industri untuk memastikan pelajar IBTE menerima latihan yang relevan dan bertaraf global.

"Matlamat kita jelas - melahirkan graduan IBTE yang mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Kita ingin melihat pelajar-pelajar IBTE membawa nama Brunei ke persada dunia sebagai tenaga mahir yang berdisiplin, beretika dan berinovasi tinggi," tegasnya lagi.

Dr. Haji Mohd. Zamri seterusnya mengingatkan akan lima nilai teras IBTE iaitu berkemahiran, berdaya tahan, kecemerlangan, inovatif dan kerja berpasukan. Nilai-nilai ini tegasnya, bukan hanya slogan, tetapi jati diri graduan IBTE iaitu berkemahiran membentuk kepakaran sebenar, berdaya tahan membina kekuatan menghadapi cabaran, kecemerlangan menjadi penanda aras mutu kerja, inovatif mendorong perubahan dan kemajuan serta kerja berpasukan meneguhkan perpaduan dan produktiviti.

"Jadikan nilai-nilai ini sebagai kompas kehidupan dan panduan sepanjang perjalanan kerjaya awda. Di mana jua awda berada, biarlah orang mengenal awda sebagai graduan IBTE yang berintegriti, berkemahiran dan memberi impak positif kepada masyarakat dan negara," katanya lagi.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyampaikan Anugerah



Best Teacher Trainee (Anugerah Pelatih Terbaik) kepada tiga penerima, 12 graduan menerima Anugerah Academic Excellence Award (Anugerah Akademik Cemerlang), 10 penerima bagi Anugerah STARS Excellence Award (Anugerah Cemerlang STARS) dan Anugerah 'Chinese

Ambassador' diberikan kepada empat graduan.

Turut hadir pada Majlis Konvokesyen IBTE Ke-33 ialah Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE, pegawai-pegawai dan tenaga pengajar IBTE serta para ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang diraikan.



**ANTARA graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen berkenaan.**



# PELANCARAN RB SKYCONNECT, PERKHIDMATAN SAMBUNGAN DALAM PENERBANGAN BAHARU



**JERUDONG**, Rabu, 29 Oktober. – Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) hari ini melancarkan RB SkyConnect, sebuah perkhidmatan sambungan dalam penerbangan (*inflight connectivity*) baharu RB yang dikuasakan oleh SES, salah satu penyedia komunikasi satelit terkemuka dunia.

RB SkyConnect menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan transformasi digital RB, dengan menawarkan penumpang akses internet berkelajuan tinggi dan boleh dipercayai dalam penerbangan sepanjang perjalanan mereka.

Perkhidmatan baharu yang akan bermula 18 November 2025 ini, akan membolehkan para penumpang melayari internet, membuat kerja dan menstim kandungan secara lancar sama ada di darat mahupun di udara.

Sehubungan itu, Majlis pelancaran RB SkyConnect berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, merangkap Pengerusi RB.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha serta Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus, merangkap Timbalan Pengerusi RB, bersama ahli-ahli Lembaga Pengarah RB, pihak pengurusan, dan rakan

**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan, merangkap Pengerusi RB, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kiri dan kanan).

kongsi.

Dikuasakan oleh sistem berbilang orbit canggih SES, RB SkyConnect disambungkan kepada satelit orbit geopegun dan orbit rendah bumi, memastikan sambungan yang stabil dan tidak terganggu di seluruh rangkaian laluan RB.

Sistem tersebut menggunakan antenna susunan dikawal secara elektronik (*electronically steered array antenna*) daripada SES yang memberikan kebolehpercayaan dan prestasi tiada tandingan.

Pemasangan pertama sistem RB SkyConnect berjaya disiapkan di Negara Brunei Darussalam pada salah satu pesawat Airbus A320neo RB oleh pasukan kejuruteraan syarikat penerbangan tersebut, termasuk bahagian Avionik dan Struktur, dengan sokongan daripada SES.

Pemasangan untuk keseluruhan armada pesawat A320neo dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei 2026.

Ketua Pegawai Eksekutif Royal Brunei Airlines, Kapten Sabirin Haji Abdul Hamid, berkata: "Kami berbangga memperkenalkan RB SkyConnect, yang mewakili generasi baharu sambungan dalam penerbangan untuk para tetamu kami. Teknologi ini bukan

**Oleh :** Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
**Foto :** Azmah Haji Ahad



sahaja menetapkan penanda aras baharu bagi internet dalam penerbangan, tetapi juga mencerminkan komitmen kami terhadap inovasi serta penyampaian pengalaman luar biasa kepada para tetamu di seluruh rantau ini".

Menurutnya, dengan RB SkyConnect, para tetamu boleh kekal berhubung sama ada untuk berkomunikasi dengan keluarga, menyelesaikan tugas kerja, atau menstim hiburan kegemaran mereka semasa penerbangan di rantau Asia-Pasifik.

"Kami percaya bahawa kekal berhubung di udara kini satu keperluan, dan kami berbesar hati bekerjasama dengan SES untuk merealisasikan pengalaman ini kepada para tetamu kami," jelasnya lagi.

Sementara itu, Naib Presiden

Jualan Penerbangan SES, Enrique Villanor pula menambah: "Dengan menjadi syarikat penerbangan pertama di Asia yang menggunakan sambungan dalam penerbangan berbilang orbit, RB memberikan penumpang pengalaman internet yang pantas dan boleh dipercayai seperti di rumah, di mana sahaja mereka terbang. Kami berasa amat berbesar hati kerana RB memilih SES untuk membantu menetapkan standard baharu dalam pengalaman perjalanan berhubung".

Dengan pelancaran RB SkyConnect ini, RB terus mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat penerbangan serantau terkemuka yang berfokus pada penyelesaian penumpang, inovasi dan kecemerlangan perkhidmatan.

## BDMD raikan Hari Kajicuaca Sedunia dengan aktiviti mesra alam



**Oleh :** Marlinawaty Hussin  
**Foto :** Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Khamis, 30 Oktober. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) hari ini mengadakan Acara Penanaman Pokok sempena Hari Kajicuaca Sedunia bagi Tahun 2025, bertempat di Bangunan Radar Cuaca BDMD, Kampung Melabau.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang diketuai oleh Imam Tingkat I, Masjid Sufri Bolkuah Perpindahan Berakas, Awang Abdul Razak bin

Samat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Kajicuaca selaku pengerusi acara, Dayang Rokiah binti Haji Angas.

Acara diteruskan dengan sesi senamrobik dan seterusnya aktiviti penanaman pokok yang dimulakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi di kawasan penanaman yang dikhaskan.

Majlis disusuli dengan penanaman pokok beramai-ramai oleh para jemputan yang lain.

Sejumlah 50 pohon anak pokok jenis Bucida Green dan 15 pohon bunga jenis Gardenia telah ditanam di kawasan Bangunan Radar Cuaca.

Acara Penanaman Pokok berkenaan merupakan salah satu aktiviti bagi sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2025 yang juga



**AKTIVITI** penanaman pokok dimulakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi di kawasan penanaman yang dikhaskan (atas kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat semasa bergambar ramai.

merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung Garis Panduan Protokol Hijau yang dilancarkan selaras dengan pelaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam oleh Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BCCO) pada tahun 2021.

Garis Panduan Protokol Hijau ini menggariskan langkah-langkah

yang perlu dilaksanakan ke arah mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*) dari premis-premis Perkhidmatan Awam di negara ini, dengan mengambil kira beberapa elemen penting termasuk penanaman pokok.

Turut hadir pada Acara Penanaman Pokok tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang

Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, wakil-wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



# KOMITED SOKONG USAHA ASEAN PUPUK KOMUNITI ADAPTIF, HARMONI



UCAPAN utama daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang disampaikan melalui video (atas), manakala gambar kanan, Forum Peringkat Tinggi ini menjadi platform interaktif bagi para *stakeholders* berkaitan untuk membincangkan dan memberikan pandangan untuk memperkukuhkan draf Strategy Playbook tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Oktober. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Sekretariat ASEAN baru-baru ini menganjurkan High-Level Forum on the Development of the Strategy Playbook on Promoting an Adaptive ASEAN Community of Greater Understanding, Tolerance and Sense of Regional Agendas. Penganjuran Forum Peringkat Tinggi ini merupakan kesinambungan daripada dokumen Strategic Policy Framework on Promoting an Adaptive ASEAN Community of Greater Understanding, Tolerance and a Sense of Regional Agendas Among the Peoples of ASEAN yang telah diluluskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 pada tahun 2021, semasa Kepengerusian ASEAN Negara Brunei Darussalam; dan bagi

menyahut saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Forum Peringkat Tinggi ini menjadi platform interaktif bagi para *stakeholders* berkaitan untuk membincangkan dan memberikan pandangan untuk memperkukuhkan draf Strategy Playbook tersebut. Forum ini telah menghimpunkan para peserta daripada Negara-negara Anggota ASEAN, termasuk wakil-wakil daripada pihak Senior Officials Committee for the ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA), badan-badan sektoral ASCC yang berkaitan, serta pakar-pakar dan rakan-rakan

luar. Sesi panel pertama telah dikendalikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, yang telah memfokuskan kepada kepentingan untuk memperkukuh kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Antara panelis yang mengambil bahagian termasuk wakil daripada pihak National Institute of Education of Cambodia, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) dan Sekretariat ASEAN. Sesi panel kedua pula dikendalikan oleh Dr. Anna Louise Strachan daripada Bodhi Global Analysis, yang telah menumpukan kepada peranan golongan belia, wanita, dan usaha-usaha dalam pembinaan keamanan kreatif bagi memupuk persefahaman, toleransi dan identiti bersama ASEAN. Sesi ini menampilkan panelis daripada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Jabatan Kebajikan Sosial dan Pembangunan Republik Filipina, mantan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), dan Presiden Majlis Belia Brunei. Forum ini bertujuan untuk memberikan input tambahan ke arah pembangunan Strategy Playbook bagi melaksanakan Strategic Policy Framework melalui langkah-langkah yang pragmatik, berpandangan ke hadapan dan berorientasikan tindakan yang boleh dilaksanakan merentasi ketiga-tiga tunggak ASEAN. Strategy Playbook ini dijangka

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



untuk menjadi dokumen panduan bagi Negara-negara Anggota ASEAN, badan-badan sektoral, dan rakan-rakan kerjasama dalam memupuk budaya keamanan, empati dan keterangkuman di seluruh rantau ini. Forum ini turut menampilkan ucapan-ucapan utama daripada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, yang disampaikan melalui video. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menekankan kepentingan forum ini sebagai platform kolektif bagi ASEAN untuk menterjemahkan aspirasi bersama

kepada tindakan konkrit yang memperkukuh persefahaman, keterangkuman dan perpaduan dalam rantau ini. Yang Berhormat turut menekankan sokongan berterusan Negara Brunei Darussalam dalam usaha-usaha ASEAN untuk memupuk komuniti yang adaptif dan harmoni serta berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global. Penganjuran Forum Peringkat Tinggi ini akan mengukuhkan lagi komitmen bersama ASEAN dalam memupuk persefahaman, perpaduan dan rasa kebersamaan dalam kalangan rakyat ASEAN, ketika rantau ini terus memperteguhkan ketahanan dan identiti dalam landskap global yang semakin dinamik.

## Doa Kesyukuran, Tadabbur Khas Al-Quran sempena Ulang Tahun Ke-40 UBD



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Tadabbur Khas Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 universiti berkenaan (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUNGKU LINK,** Jumaat, 31 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran dan Tadabbur Khas Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 universiti berkenaan yang berlangsung di Masjid Universiti, UBD, pagi tadi. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle. Turut hadir, ahli-ahli jawatankuasa penganjur, pegawai-pegawai utama, kakitangan serta pelajar-pelajar UBD. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan pelancaran penerbitan khas bertajuk 'Himpunan Surah dan 40 Doa Pilihan' oleh tetamu kehormat. Acara diteruskan dengan bacaan

Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sebagai tanda kesyukuran atas kejayaan dan sumbangan universiti itu sepanjang empat dekad dalam pembangunan negara khususnya dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi. Majlis kemudiannya diserikan dengan Sesi Tadabbur Khas Al-Quran yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim. Beliau antara lain menekankan kepentingan nilai kesyukuran, ilmu dan keimanan sebagai asas kecemerlangan berterusan UBD dalam melahirkan pemimpin masa hadapan. Cenderamata penghargaan turut disampaikan kepada penceramah jemputan. Majlis tersebut menjadi peringatan bermakna terhadap perjalanan UBD sepanjang 40 tahun penubuhannya serta komitmen universiti dalam memperkasa ilmu, masyarakat dan kerohanian selaras dengan motonya, 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'. Untuk maklumat lanjut mengenai acara akan datang, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi UBD atau Instagram @ubdbuzz dan @studentaffairsubd.





# 21 ANGGOTA ABDB SERTAI MISI PENGAMAN DI LUBNAN



**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir dan seterusnya memasang lencana kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli kontinjen sebagai simbol pengiktirafan rasmi penyertaan mereka dalam misi tersebut (atas kanan dan atas).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**RIMBA**, Jumaat, 31 Oktober. - Upacara Penyerahan Bendera Kebangsaan bagi Kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan menyertai Malaysian Battalion 850-13 (MALBATT 850-13) dalam misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL)

berlangsung kelmarin di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba. Seramai 21 anggota ABDB akan menyertai misi pada kali ini.

Hadir pada upacara tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pesuruhjaya Tinggi

Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Timbalan Pengarah Jabatan Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD, pegawai-pegawai kanan dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga para anggota yang bakal menyertai misi pengaman berkenaan.

Upacara dimulakan dengan penyerahan Bendera Kebangsaan oleh Pemerintah ABDB kepada Mejar Mohd. Ihyauddin bin Haji Ishak selaku Ketua Kontinjen ABDB bagi MALBATT 850-13, yang melambangkan amanah dan tanggungjawab negara yang bakal dipikul oleh para anggota misi.

Upacara seterusnya diikuti dengan pemasangan lencana kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli kontinjen, sebagai simbol pengiktirafan rasmi penyertaan mereka dalam misi tersebut.

Upacara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Letenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar sebelum diakhiri dengan sesi



bergambar ramai.

Sejurus selesai upacara, kontinjen berlepas ke Malaysia menggunakan pesawat C295MW Tentera Udara Diraja Brunei, sebelum meneruskan perjalanan ke Lubnan dari Kuala Lumpur bermula 5 November 2025 mengikut jadual penerbangan yang telah ditetapkan.

Sejak penyertaan sulungnya pada tahun 2008, ABDB telah memainkan peranan aktif dalam misi pengaman UNIFIL, yang mencerminkan komitmen teguh

NBD terhadap tiga teras utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Keamanan dan Keselamatan, Hak Asasi Manusia serta Pembangunan.

Penyertaan ABDB yang konsisten ini menzahirkan iltizamnya untuk terus menyumbang kepada keamanan dan kestabilan di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping menegaskan peranan ABDB dalam menyokong usaha-usaha keamanan dan keselamatan sejagat.

## Penduduk Kampung Serusop, Delima Satu undi calon ketua kampung



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir pada majlis tersebut. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing selaku wakil Daerah Zon 2 (atas). Sementara gambar bawah dan bawah kanan, suasana Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Serusop dan Kampung Delima Satu, Mukim Berakas 'A' berlangsung hari ini di Dewan Sekolah Rendah Delima Satu.



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BERAKAS**, Jumaat, 31 Oktober. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Serusop dan Kampung Delima Satu, Mukim Berakas 'A' berlangsung hari ini di Dewan Sekolah Rendah Delima Satu, di sini, dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Pengundian itu menggunakan kaedah kertas undi bermula dari pukul 8.00 hingga 11.00 pagi dan juga aplikasi mudah alih e-Undi PMKK yang telah bermula pada 29 Oktober dan ditutup hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah Kampung Serusop, Mohd. Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail.

Calon tunggal bagi Ketua Kampung Kampung Serusop dan Kampung Delima Satu ialah Muhammad Syukri bin Edris, berusia 36 tahun.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Brunei Darussalam tahun 2012.

Beliau dicadangkan oleh Awang Edris bin Haji A.Sahari dan disokong oleh Pengiran Haji Mustafa bin Pengiran Haji Chuchu selaku Penyokong Pertama serta Mohammad Waziney bin Wadani selaku Penyokong Kedua.

Muhammad Syukri mendapat sebanyak 77 undian setuju, 25 undian tidak setuju dan satu undian rosak.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing selaku wakil Daerah Zon 2.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon ketua kampung akan diadapakan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.





# PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Oktober. - Seorang wanita Puak Dusun, Azalina binti Langkan, berusia 51 tahun telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan

dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman yang diadakan di Bilik Al-Muhtadiin, Tingkat 2, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Kampung Pulaie pagi tadi.

Majlis tersebut dianjurkan dan dikendalikan oleh PDI melalui Bahagian Pengembangan Da'wah sebagai usaha berterusan dalam menyebarkan syiar Islam dan memudahkan cara proses pengislaman bagi mereka yang berhasrat memeluk agama Islam.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dan Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Azalina binti Langkan, yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Nur Aza Lina binti Langkan.

Pengislaman tersebut disempurnakan di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan,



**AZALINA** binti Langkan memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman (atas kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir pada majlis berkenaan.

diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis.

Sejak awal Januari hingga 30 Oktober 2025, seramai 217 orang

telah memeluk Islam di Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah tersebut, seramai 109 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

## Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Masjid Kampung Bukit Udal

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**TUTONG,** Khamis, 30 Oktober. - Sempena Memperingati Penubuhan Masjid Kampung Bukit Udal Ke-30 Tahun, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid menganjurkan Sambutan Jubli Mutiara dengan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran lewat petang tadi di masjid berkenaan.

Majlis berkenaan diselenggarakan dengan pelancaran Logo Baharu Masjid Kampung Bukit Udal sebagai lambang identiti dan

semangat baharu dalam usaha memperkukuh peranan masjid kepada masyarakat setempat.

Di samping menjadi salah satu usaha bagi mengimarahkan masjid, majlis ini juga dihasratkan untuk memupuk dan mengeratkan hubungan silaturahim, keakraban serta kerjasama dalam kalangan ahli jawatankuasa takmir, para Muslimah dan penduduk Kampung Bukit Udal.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Terdahulu majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Selamat dan Kesyukuran. Acara diteruskan dengan pelancaran Logo Baharu Masjid Kampung Bukit Udal dan tayangan klip video yang memaparkan sejarah penubuhannya.

Majlis turut menyaksikan



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong (atas). Awang Haji Amir Hisham melancarkan Logo Baharu Masjid Kampung Bukit Udal (atas kiri).

penyampaian penghargaan khas dan penyerahan cenderahati. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, sebelum diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Masjid Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong telah dirasmikan pembukaannya pada 1 November 1995 bersamaan 8 Jamadilakhir 1416 Hijrah.

Sambutan ulang tahun ini diharap dapat menjadi wadah untuk mempereratkan ukhuwah dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir, para Muslimah dan jemaah serta menzahirkan rasa syukur atas perjalanan tiga dekad masjid ini yang terus berperanan sebagai pusat ibadah dan kegiatan keagamaan bagi masyarakat setempat.



**SEKITAR** Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang diadakan di masjid berkenaan (kiri dan atas).







SILA IMBAS UNTUK  
KHUTBAH LENGKAP



# AMALKAN CARA HIDUP SIHAT

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
PADA 9 JAMADILAWAL 1447H / 31 OKTOBER 2025M


Agama Islam sangat mengambil berat tentang kesihatan dan juga memerintahkan umatnya supaya berusaha dan berubat apabila ditimpa penyakit, bukan hanya membiarkannya atau berserah kepada takdir semata-mata.

KESIHATAN adalah antara faktor utama ke arah menjadikan diri, masyarakat dan umat itu kuat.



## UMAT ISLAM DIPERINGATKAN SUPAYA

- Jangan melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada akal dan tubuh badan
- Mengharamkan semua makanan, minuman dan benda-benda yang boleh membinasakan dan membahayakan manusia seperti arak, rokok, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya.



## CABARAN-CABARAN YANG MENGANCAM KESIHATAN

Kini berbagai penyakit yang disebabkan oleh gaya hidup moden telah menjadi punca utama kematian di negara ini seperti penyakit kanser, penyakit jantung, buah pinggang, kencing manis dan seumpamanya.

Penyakit-penyakit tersebut (kronik) memerlukan kos rawatan yang tinggi.



## APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Sama-sama memelihara diri, keluarga dan masyarakat kita dengan menjaga kesihatan, mengamalkan permakanan sihat dan melakukan aktiviti sukan secara rutin.





# Amalkan cara hidup sihat

membiarkannya atau berserah kepada takdir semata-mata. Sesungguhnya kesihatan adalah antara faktor utama ke arah menjadikan diri, masyarakat dan umat itu kuat. Itulah yang diharapkan oleh agama Islam, sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** "Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala berbanding seorang mukmin yang lemah".

Dalam menjaga kesihatan dan menghindarkan diri daripada terkena penyakit, kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dengan sebaik-baiknya dalam setiap aspek. Islam telah memberikan peringatan kepada umatnya supaya jangan melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada akal dan tubuh badan serta mengharamkan semua makanan, minuman dan benda-benda yang boleh membinasakan dan membahayakan manusia seperti arak, rokok, penyalahgunaan dadah dan yang seumpamanya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

**Tafsirnya :** "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua rakyat dan penduduk di negara ini telah mencapai tahap kesihatan yang baik. Semua ini adalah berkat doa dan usaha semua pihak, terutamanya kepimpinan dan komitmen tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ketahuilah, bahawa menjaga kesihatan merupakan salah satu bentuk cara kita menzahirkan rasa syukur ke hadirat

Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat kesihatan yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita.

Langkah-langkah dan usaha kerajaan dan orang ramai serta pihak swasta adalah amat penting dalam menjaga kesihatan bangsa. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ke arah meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan penduduk negara ini, antaranya ialah dengan terbinanya hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan.

Sesungguhnya tahap kesihatan yang kita nikmati pada masa ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak. Contohnya perkembangan dalam sektor ekonomi, pendidikan, agama dan pembangunan negara juga turut menyumbang ke arah peningkatan tahap kesihatan. Contohnya sumber air paip yang kita peroleh adalah bersih dan selamat. Air yang bersih dapat mencegah pelbagai gejala penyakit bawaan air. Begitu juga perkembangan lain seperti pembinaan jalan raya dan kemudahan-kemudahan lainnya telah membolehkan orang ramai mengunjungi pusat-pusat atau kemudahan kesihatan yang disediakan dengan mudah.

Akan tetapi kita juga tidak terlepas daripada menghadapi cabaran-cabaran yang mengancam kesihatan hasil daripada kepesatan pembangunan dan kehidupan yang moden. Kini kita berhadapan dengan berbagai-bagai penyakit yang disebabkan oleh gaya hidup moden telah menjadi punca utama kematian di negara ini seperti penyakit kanser, penyakit jantung, buah pinggang, kencing manis dan seumpamanya. Penyakit-penyakit tersebut adalah penyakit-penyakit kronik yang memerlukan kos rawatan yang tinggi. Oleh itu, untuk menghindarkan daripada terkena penyakit seperti ini, kita hendaklah menjaga pemakanan seharian secara seimbang dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Kita hendaklah makan mengikut keperluan aktiviti dan kecergasan yang kita lakukan setiap hari kerana pemakanan yang

berlebihan akan mengundang pelbagai gejala dan masalah kesihatan. Daripada Miqdam bin Ma'di Karib Radiallahuanu berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Tiada seorang anak Adam yang memenuhi sesuatu bekas yang lebih buruk daripada perutnya. Cukupkanlah bagi anak Adam itu makan beberapa suap makanan untuk menguatkan tubuhnya. Kalau mesti juga tidak dapat dielakkan, maka isilah perut sekadar satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk bernafas". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja mengajar kita bagaimana beriman dan beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala tetapi juga mengajar bagaimana kita memelihara tubuh, akal dan jiwa yang sihat, makanan halal yang baik, pemakanan sederhana, tidur yang berkualiti, kebersihan diri dan hati, gaya hidup yang aktif, berusaha dengan berubat dan menjalani rawatan ketika sakit. Semuanya adalah rahsia ketenangan jiwa dan kesejahteraan tubuh dan akal yang sihat.

Akhirnya, marilah kita menilai semula gaya hidup kita. Makanlah makanan yang halal dan sihat serta seimbang, amalkan gaya hidup aktif. Harga nikmat kesihatan tubuh badan sebagai amanah Allah Subhanahu Wata'ala dan jadikan kesihatan sebagai alat untuk beribadah dan berkhidmat kepada bangsa dan negara. Semoga dengan yang demikian kita akan dapat mengerjakan segala amal ibadah dengan lebih baik dan sempurna serta menjalani kehidupan seharian dengan mudah dan lancar. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf) serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan". (Surah Al-A'raf, ayat 31)

## Sumbangan ringankan beban mangsa kebakaran

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 29 Oktober. – Bagi meringankan beban mangsa yang ditimpa musibah kebakaran rumah, baru-baru ini diadakan penyampaian sumbangan derma kepada lima ketua keluarga di Kampung Pandai Besi 'A'.

Mewakili Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi menyerahkan derma tersebut, Pemangku Pegawai

Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Sebanyak lima buah rumah dijilat api yang berlaku pada kira-kira jam 11.45 pagi di alamat No. 87 C-1, No.87 C-2, No. 86 C, No. 68 B dan No. 85 C.

Turut hadir, Penghulu Mukim Zon 1 Kampong Ayer; Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer;

Pemangku Ketua Kampong Zon 1 Kampong Ayer; Pemangku Ketua Kampong Zon 2 Kampong Ayer;

2 Kampong Ayer; Pemangku para pegawai daripada Ketua Kampong Zon 3 Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara mewakili Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara hadir bagi menyempurnakan penyerahan derma tersebut.

# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 1.'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025
- 2.'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025
- 3.'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.



# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ  
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لِّمَآ فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا  
فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ  
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ  
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ  
الْحَوَائِجُ، وَتَنَالَ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ  
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،  
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اُبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاُبُوْءُ بِذَنْبِيْ،  
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذَّنْبَ اِلَّا اَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباءا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قشعملن ( تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



# JPMC tekankan kepentingan tindakan pantas selamatkan nyawa



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian acara yang memperkasakan tema global '#EveryMinuteCounts' yang sekali gus mengadakan lawatan ke ruai dan pameran (atas kiri dan atas kanan), sementara gambar bawah kiri, suasana sekitar majlis berkenaan.

**JERUDONG**, Khamis, 30 Oktober. – Sebagai salah satu usaha bagi menekankan kepentingan untuk mengenali awal simptom strok dan

bertindak pantas untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kecacatan, Pusat Perubatan Jerudong Park

(Jerudong Park Medical Centre - JPMC) telah mengadakan sebuah acara bagi menandakan Hari Strok Sedunia 2025 yang berlangsung di Lobi, Tingkat 2, Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian acara yang memperkasakan tema global '#EveryMinuteCounts' itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Gharif yang sekali gus mengadakan lawatan ke ruai dan pameran yang dikendalikan oleh ahli jawatankuasa pengajar.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; profesional penjagaan kesihatan;

bekas pesakit strok; kakitangan JPMC dan jemputan khas.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Konsultan Pakar Bedah Saraf, JPMC, Dr. Sunil Upadhyaya yang mengetengahkan beban strok global dan tempatan serta menyeru tindakan kolektif dalam pencegahan dan pengesanan awal.

Dalam pada itu, acara turut menyaksikan penerangan yang dikongsi oleh salah seorang pesakit Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei (Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre - BNSRC), diikuti dengan perasmian Hari Strok Sedunia 2025 oleh tetamu kehormat majlis.

Sehubungan itu, JPMC terus menggalakkan orang ramai untuk mengambil langkah proaktif

dengan memeriksa tekanan darah secara berkala, mengekalkan gaya hidup sihat dan mengelak daripada tabiat merokok. Komuniti juga digesa untuk mempromosikan kesedaran strok melalui saringan, pendidikan dan sokongan untuk mangsa yang terselamat.

Melalui inisiatif berkenaan, JPMC menegaskan semula komitmennya untuk mempromosikan kesedaran, pencegahan dan pemulihan selaras dengan misinya untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan bertimbang rasa untuk komuniti.

Hari Strok Sedunia, yang disambut setiap tahun pada 29 Oktober, berfungsi sebagai peringatan bahawa setiap minit adalah penting dalam mengenali dan bertindak balas terhadap gejala strok.



## LEBIH 400 KES STROK BAHARU DIREKODKAN SETIAP TAHUN DI NBD



**KONSULTAN Pakar Bedah Saraf (Consultant Neurosurgeon), Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC), Dr. Sunil Upadhyaya ketika berucap.**

**JERUDONG**, Khamis, 30 Oktober. – Di Negara Brunei Darussalam, strok merupakan punca kematian keempat dengan lebih 400 kes baharu direkodkan setiap tahun. Dari 2020 hingga 2024, Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei (Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre - BNSRC) mencatatkan anggaran

450 kemasukan pesakit untuk *ischemic stroke* dan antara 103 hingga 155 kes yang melibatkan *hemorrhagic stroke* setiap tahun.

Perkara berkenaan dikongsi oleh Konsultan Pakar Bedah Saraf (Consultant Neurosurgeon), Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC), Dr. Sunil Upadhyaya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada acara bagi menandakan Hari Strok Sedunia 2025 anjuran JPMC yang berlangsung di Lobi, Tingkat 2, Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC).

"Sebahagian besar dari kes baharu adalah jantina lelaki, dan 70 peratus pesakit diketahui menghidap hipertensi," ulasnya lagi.

Terdahulu, Dr. Sunil Upadhyaya menjelaskan bahawa di peringkat global, strok merupakan salah satu punca utama kematian dan kecacatan di mana hampir 12 juta strok baharu setiap tahun di

seluruh dunia, ini bermakna satu strok berlaku setiap tiga saat.

Menurut Pertubuhan Strok Sedunia, jelasnya lagi, seorang daripada empat orang dewasa berumur 25 tahun dan ke atas akan mengalami strok sepanjang hayat mereka.

"Strok bukan lagi sekadar penyakit warga emas, kerana 15 peratus berlaku pada mereka yang berumur 15 hingga 49 tahun dan 53 peratus mangsa strok berumur di bawah 70 tahun. Risiko metabolik menyumbang 69 peratus daripada semua strok," ujarnya.

Dr. Sunil Upadhyaya seterusnya berkata pada tahun ini, BNSRC JPMC meletakkan tumpuan kepada meningkatkan kesedaran strok berdarah hipertensif (*hypertensive hemorrhagic stroke*) menerusi program pendekatan masyarakat dan sesi pendidikan di seluruh negara. Inisiatif itu bermatlamat untuk mengetengahkan bahaya

**■ Berita dan Foto : Nurdinyanah Rajami**

hipertensi tidak dikawal, yang sering dirujuk sebagai pembunuh senyap, serta untuk mempromosikan pencegahan dan pengesanan awal melalui gaya hidup yang lebih sihat.

Beliau turut berkata bahawa Kementerian Kesihatan dan BNSRC JPMC menekankan orang ramai untuk dapat mengenalpasti tanda-tanda amaran strok seperti muka jatuh secara tiba-tiba (*sudden face drop*), kelemahan lengan (*arm weakness*), kesukaran bertutur (*speech difficulty*), kehilangan keseimbangan (*loss of balance*) atau perubahan penglihatan (*vision changes*).

Tekannya lagi, jika sesiapa mendapati tanda-tanda sedemikian maka disarankan untuk mendapatkan bantuan sesegera mungkin kerana usaha ini bukan hanya tentang bertahan hidup (*surviving*) bahkan ia juga

bagi mengehadkan kerosakan jangka panjang, memelihara kualiti hidup dan juga memastikan seseorang selamat.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Sunil Upadhyaya antaranya turut memberi peringatan bersama untuk melakukan pemeriksaan tekanan darah dengan kerap dan bagi mereka yang menghidap hipertensi hendaklah sentiasa mengikuti nasihat dan rawatan perubatan.

Selain itu, beliau juga menyarankan untuk mengamalkan makanan seimbang iaitu dengan memperbanyakkan makan sayur-sayuran dan buah-buahan serta mengurangkan pengambilan garam dan juga makanan yang diproses. Begitu juga, aktif secara fizikal dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 30 minit senaman sederhana pada beberapa hari dalam seminggu dan buang tabiat merokok.



# MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU MEMULIHARA EKOSISTEM TANAH LEMBAP



**TIMBALAN Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan** hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Turut memberikan ucapan alu-aluan ialah Senior Advisor (Asia/Oceania), Secretariat of the Ramsar Convention on Wetlands, Dr. Beom-sik Yoo dan Executive Director of the Ramsar Regional Center - East Asia (RRC-EA), Seung Oh Suh yang masing-masing menzahirkan penghargaan atas kerjasama serta komitmen Jabatan Perhutanan dalam memperkukuhkan pengurusan dan pemuliharaan tanah lembap di Brunei Darussalam.

Bengkel menghimpunkan seramai 40 peserta daripada pelbagai pihak termasuk agensi-agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi yang berkepentingan dalam bidang pengurusan dan pemuliharaan tanah lembap.

Sepanjang bengkel berkenaan, para peserta berpeluang mengikuti sesi perkongsian ilmu, perbincangan teknikal, serta latihan kumpulan mengenai pendekatan saintifik dan dasar dalam pengurusan tanah lembap.

Bengkel tersebut juga merupakan langkah penting bagi memperkenalkan pendekatan bersepadu dalam pengurusan tanah lembap negara di samping memperkukuh kerjasama serantau dan global.

Selain itu, ia bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap nilai ekologi dan ekonomi tanah lembap serta memperkasa strategi penggunaan lestari berasaskan ilmu sains dan amalan terbaik antarabangsa.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) amat berbangga dengan warisan semula jadinya yang luar biasa, yang mana hutan negara meliputi kira-kira 72 peratus daripada keluasan tanah negara, dan sekitar 21 peratus daripadanya terdiri daripada kawasan tanah lembap. Angka ini bukan sahaja mencerminkan warisan pemuliharaan kita tetapi juga komitmen berterusan untuk mengimbangi pembangunan negara dengan pengurusan alam sekitar yang beretika.

Antara khazanah negara yang menjadi kebanggaan ialah Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, sebuah ekosistem paya bakau berusia seabad yang

melambangkan komitmen negara terhadap perlindungan alam sekitar dan berpotensi besar untuk dicalonkan sebagai tapak Ramsar dalam Senarai Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa.

Perkara itu digariskan dalam ucapan alu-aluan Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Bengkel Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah Lembap, Konvensyen Ramsar yang diadakan di salah sebuah hotel di ibu negara.

Menurut Dayang Noralinda, bagi NBD, Konvensyen Ramsar bukan sekadar satu perjanjian, ia merupakan satu rangka kerjasama,

satu perkongsian yang menyatukan negara-negara dan institusi di bawah visi bersama yang mengiktiraf tanah lembap sebagai unsur yang tidak ternilai dalam menyokong hidupan di bumi.

"Bengkel ini juga menyediakan platform yang amat bernilai untuk berkongsi ilmu, memupuk inovasi, dan memperkukuh kerjasama serantau. Melalui dialog dan perkongsian, kita dapat meningkatkan keupayaan kolektif untuk memulihara dan mengurus ekosistem ini demi manfaat semua," ujarnya.

Dayang Noralinda juga menjelaskan perhimpunan ini lebih daripada sekadar pertukaran teknikal, ia merupakan penegasan semula terhadap tanggungjawab kolektif untuk memelihara tanah lembap sebagai ekosistem penting yang menyokong biodiversiti,

mengawal iklim, menyara sumber kehidupan dan bertindak sebagai penampungan semula jadi terhadap bencana.

Justeru, adalah disarankan kepada semua peserta yang terlibat untuk turut serta secara aktif berkongsi pandangan, bertukar amalan terbaik, dan membina hubungan yang berkekalan dan seterusnya menjadikan perhimpunan tersebut sebagai pemangkin kepada kerjasama yang lebih kukuh dan komitmen yang diperbaharui ke arah pengurusan lestari tanah lembap di NBD dan seluruh rantau.

Bengkel Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah Lembap, Konvensyen Ramsar anjuran KSSUP melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Ramsar Regional Center - East Asia ini berlangsung dari 28 hingga 30 Oktober 2025.

## Memupuk persefahaman perbezaan budaya, pengalaman pembelajaran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Oktober. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (SM YSHHB) diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi lawatan pertukaran budaya dan pendidikan yang berprestij dari University of England, Australia.

Justeru itu, SM YSHHB hari ini menerima lawatan daripada rombongan University of England, Australia yang dialu-alukan dengan Persembahan Selamat Datang daripada TASKA (YSHHB)

KG2 Blue dengan Nyanyian Tradisional bertajuk 'Oh Kanak-kanak' dan 'Good morning and Wanjoo' persembahan dari Australian Aborigine Welcome Song diikuti tarian tradisional yang dipersembahkan daripada pelajar-pelajar SM YSHHB.

Timbalan Pengarah Urusan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad mengalu-alukan ketibaan rombongan dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan

semasa di bilik mesyuarat sekolah berkenaan.

Diikuti dengan penerangan daripada Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin mengenai pengenalan sekolah termasuk struktur organisasi, sistem pendidikan, pencapaian akademik, 'Thematic Weeks', aktiviti-aktiviti serta program mengenai kerjasama Sekolah YSHHB di peringkat antarabangsa.

Lawatan kali ini juga diserikan dengan pameran-pameran yang diadakan di ruang legar SM YSHHB iaitu Pameran Kebudayaan Australia; Kebudayaan dan Permainan Tradisional Brunei serta aktiviti interaktif bersama pelajar Tahun 7-10 serta lawatan ke perpustakaan sekolah tersebut.

Lawatan tersebut bertujuan

untuk memupuk persefahaman perbezaan (silang) budaya serta memberikan pendedahan kepada para pelajar University of England (UNE) mengenai amalan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Adapun objektif lawatan ialah untuk memupuk kesedaran dan penghargaan silang budaya dalam kalangan pelajar dari kedua-dua buah negara, di samping menggalakkan kerjasama pendidikan yang bermakna antara Sekolah YSHHB dan University of New England, Australia.

Lawatan juga diharapkan dapat memberikan pengalaman

pembelajaran secara langsung kepada pelajar melalui pertukaran budaya interaktif di samping itu bagi memperkukuh perkongsian global dalam bidang pendidikan melalui jaringan dan aktiviti budaya bersama.

Selain dapat mempamerkan kekayaan tradisi, bahasa, dan warisan Brunei kepada rakan antarabangsa, lawatan itu juga dapat memberikan inspirasi kepada para pelajar agar membangunkan perspektif global dan menghargai budaya Australia melalui pameran interaktif yang dikendalikan oleh para pelajar University of New England.



**TIMBALAN Pengarah Urusan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad** ketika menyampaikan ucapan alu-aluan kepada rombongan dari University of England, Australia (kiri), manakala gambar kanan, salah satu momen yang dikongsi bersama rombongan tersebut ketika lawatan berlangsung.





# MEMPERKUKUHKAN KEFAHAMAN, KECEKAPAN DALAM MELAKSANAKAN FARDU KIFAYAH



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**KAMPUNG RIMBA**, Khamis, 30 Oktober. - Menyedari kepentingan ilmu serta kemahiran dalam pengurusan jenazah, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba hari ini telah menganjurkan Bengkel Fardu Kifayah Pengurusan Jenazah khusus bagi Pegawai-pegawai Masjid Zon 2, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah-jemaah

masjid berkenaan yang mengambil tempat di masjid berkenaan.

Seramai 60 peserta yang disasarkan bagi menyertai bengkel berkenaan didedahkan dengan kewajipan utama dalam Fardu Kifayah dalam pengurusan jenazah, yang merangkumi proses memandikan, mengkafankan, menyolatkan dan mengebumikan jenazah mengikut syariat Islam.

Fasilitator bengkel pagi tadi ialah Awang Asmady bin Haji Ahmad yang merupakan Guru Ugama Tingkat II, Jabatan Pengajian Islam

di Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Penganjuran bengkel ini diharap dapat memperkukuhkan kefahaman dan kecekapan peserta dalam melaksanakan tuntutan fardu kifayah dengan penuh tertib, amanah serta mengikut garis panduan syarak.

Selain itu, bengkel ini juga menjadi platform untuk mempererat ukhuwah sesama warga masjid, memperkasa peranan masjid sebagai pusat pendidikan dan rujukan umat Islam,



**MASJID Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba** menganjurkan Bengkel Fardu Kifayah Pengurusan Jenazah khusus bagi Pegawai-pegawai Masjid Zon 2, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah-jemaah masjid berkenaan yang mengambil tempat di masjid berkenaan (atas dan atas kiri).

serta melahirkan tenaga sukarelawan yang bersedia memberi khidmat bakti kepada masyarakat.

Pendedahan dan latihan secara teori serta praktikal, peserta juga

diharapkan dapat digunakan dan diaplikasikan ke dalam kehidupan bermasyarakat, khususnya ketika berhadapan dengan situasi kematian dalam komuniti setempat.

## Memperkasa pembangunan diri wanita Muslimah secara holistik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

**SENGKURONG**, Rabu, 29 Oktober. - Penubuhan Kelas Bimbingan Muslimah di masjid-masjid seluruh Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu inisiatif bagi memperkasa pembangunan diri wanita Muslimah secara holistik.

Para Muslimah kini dilihat semakin aktif melibatkan diri dalam pelbagai majlis rasmi termasuk acara-acara keagamaan.

Justeru, penglibatan mereka ini wajar dilengkapkan dengan kemahiran berkomunikasi seperti dalam mengacarakan sesuatu majlis.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) menganjurkan Bengkel Asas Pengacaraan Majlis yang diadakan secara bersiri dan dikhususkan bagi Kelas Bimbingan Muslimah.

Bagi siri kali ini, bengkel diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring dengan melibatkan seramai 30 peserta mewakili Kelas Bimbingan Muslimah dari Zon 5 dan masjid negara.

Pemudah cara bagi bengkel tersebut ialah Guru Ugama Terlatih

Tingkat Khas merangkap Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, JHEM, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Turut hadir, Pegawai Ugama Kanan selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Penganjuran bengkel itu bertujuan untuk memberi pendedahan, latihan serta kemahiran kepada para peserta dalam mengendalikan sesuatu majlis secara profesional dan berkesan.

Selain itu, ia bertujuan untuk membina keupayaan peserta agar berinteraksi secara beretika, efektif dan berkeyakinan di hadapan khalayak ramai.

Daripada penganjuran bengkel berkenaan, para peserta berpeluang mempelajari konsep pengacaraan secara formal dan tidak formal, kaedah penyusunan ayat serta penulisan skrip di samping didedahkan kepada gaya bahasa penggunaan intonasi yang betul.

Adalah dihasratkan agar bengkel seumpama ini dapat melahirkan Muslimah yang berkemahiran dan berkeupayaan mengendalikan majlis dengan teratur, lancar serta profesional.



**ANTARA Muslimah** yang menyertai bengkel berkenaan yang telah mengambil tempat di Masjid Sultan Sharif Ali.

## Sumbangan YSHHB bagi kemudahan Masjid Kampung Penapar



**MAJLIS Penyerahan Rasmi Bilik Pengurusan Jenazah** yang dibina hasil sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**TUTONG**, Khamis, 30 Oktober. - Masjid Kampung Penapar mencatat satu lagi pencapaian penting apabila menerima penyerahan rasmi Bilik Pengurusan Jenazah yang dibina hasil sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), baru-baru ini.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad dan diterima oleh Ketua Imam Masjid Kampung Penapar bagi pihak jawatankuasa

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

takmir masjid.

Pembinaan bilik berkenaan bermula pada 31 Julai 2015 dan siap sepenuhnya pada 18 Oktober 2025. Kemudahan ini disediakan bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat dalam melaksanakan urusan pengurusan jenazah dengan lebih sempurna, selesa dan sistematik.

Ketua Imam Masjid Kampung Penapar mewakili pihak jawatankuasa takmir

menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YSHHB atas sumbangan berkenaan, yang disifatkan sebagai satu kemudahan amat bermakna kepada seluruh penduduk kampung.

Majlis turut dihadiri oleh wakil YSHHB, Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Ketua Kampung dan ahli jawatankuasa masjid serta penduduk Kampung Penapar.








**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-29  
Pembekalan Segel Jenis "Cable Lock Wire Seal" Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-30  
Pembekalan Segel Jenis "High Security Container Seal" Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-31  
Pembekalan Pelekat Segel Jenis Kertas Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-32  
Pembekalan Tempahan Dan Pembekalan Bendera Kastam Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-28  
Tempahan Dan Pembekalan Kotak Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa 18 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa,  
18 November 2025  
Jam 2.00 Petang


**Muara BT1728**

Semasa membuat tuntutan penyimpanan-penyimpanan hendaklah menghadapkan surat tuntutan, salinan bank akaun syarikat, salinan kad pintar dan menyertakan resit asal berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil kerajaan.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi melalui e-mel di [finance.receivable@mpabd.gov.bn](mailto:finance.receivable@mpabd.gov.bn) atau telefon di **+673 8319289**.

**Senarai nama penender, bilangan resit dan jumlah wang cagaran bagi tahun 2009 hingga 2017 yang masih belum dituntut.**

| Tahun | Nama Syarikat                                   | Resit No. | BND | Jumlah    |
|-------|-------------------------------------------------|-----------|-----|-----------|
| 2009  | Muara Money Changer                             | 4525877   | BND | 252.00    |
| 2009  | Ismaikom Co. Sdn Bhd                            | 4525924   | BND | 6,000.00  |
| 2009  | Bayu Itham Motors Sdn Bhd                       | 4525966   | BND | 6,000.00  |
| 2009  | Bengkai Kereta Berakas Sdn Bhd                  | 4525977   | BND | 6,000.00  |
| 2009  | B.T Forwarding Sdn Bhd                          | 5203006   | BND | 1,800.00  |
| 2009  | B.T Forwarding Sdn Bhd                          | 5203004   | BND | 1,800.00  |
| 2009  | Senikandi Oil Field Services Sdn Bhd            | 5203061   | BND | 2,100.00  |
| 2009  | B.T Forwarding Sdn Bhd                          | 5203067   | BND | 900.00    |
| 2010  | Ridiah Handicraft                               | 5449673   | BND | 150.00    |
| 2010  | Brunei Methanol Company Sdn Bhd                 | 6542830   | BND | 3,000.00  |
| 2011  | Md Huzaimi Ahmadi & Adik-Adik                   | 6864926   | BND | 900.00    |
| 2011  | Syarikat Amp. Hj Salleh Amp. Hj Judah           | 6821106   | BND | 135.00    |
| 2011  | Taiwah Travel Services Sdn Bhd                  | 7465968   | BND | 294.00    |
| 2011  | Interhill Industries Sdn Bhd                    | 7467298   | BND | 294.00    |
| 2012  | Sukimo                                          | D6525833  | BND | 200.00    |
| 2012  | Hary Kurniawan (JV Id 0001903668 Dd, 10/9/2013) | D6525838  | BND | 300.00    |
| 2012  | Sukirman                                        | D6525836  | BND | 300.00    |
| 2012  | Dasim Supriyana                                 | D6525837  | BND | 300.00    |
| 2012  | DSZ Enterprise                                  | 7771110   | BND | 60.00     |
| 2014  | Syarikat Mayu Chanten Shipping & Forwarding     | 9495950   | BND | 500.00    |
| 2014  | B-Win Forwarding & Trading Company              | 9664216   | BND | 6,132.22  |
| 2014  | Perusahaan C.B.                                 | 0147935   | BND | 112.50    |
| 2014  | P.T.A.S Sdn Bhd                                 | E0147887  | BND | 24,254.16 |
| 2015  | Tropicana Restaurant                            | 0811050   | BND | 1,800.00  |
| 2016  | D' Sunlit Sdn Bhd                               | 0818687   | BND | 6,000.00  |
| 2016  | Air Cati Fuel Services                          | 1441658   | BND | 1,500.00  |
| 2016  | MOG Sdn Bhd                                     | 1734813   | BND | 1,000.00  |
| 2017  | Syarikat Pemungutan Hg Awg Buang & Anak-Anak    | 2022507   | BND | 200.00    |
| 2017  | Cateleya Trading Company                        | 2024905   | BND | 3,000.00  |
| 2017  | Syarikat Najeeham                               | 2024987   | BND | 46.00     |


**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
18/BBS/SH/2025-2026  
Repair Sunken Paver Block At Jalan Sultan Omar Ali Saifuddin, Seria

**Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00 (Non-Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 November 2025  
jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH  
BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**
**Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / Q / 69 / 2025  
Penyediaan Perkhidmatan Mesin Layan Diri Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara Serta Premis-Premis Di Bawah Kawalannya Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / Q / 70 / 2025  
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Bagi Premis Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Selama Enam Belas (16) Bulan, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / Q / 71 / 2025  
Penswastan Bagi Tempoh 18 Bulan Kerja-Kerja Pembersihan, Mengutip Dan Membuang Sampah Bertempat Letak Kereta Kampung Sungai Bunga, Jalan Kota Batu, Mukim Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
4 November 2025  
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran:**  
JPH / 1207-004 / TAW / 405 / 2025-2026  
Penanaman Spesies Dipterocarp Di Kawasan 10 (Seksyen 6, 7 & 8) Di Antara Lembah Sg. Tutong Dan Sg. Belait Inter Riverine Zone (IRZ) Fasa 2

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 November 2025,  
2.00 Petang

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Tawaran:**  
BND15.00

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**-Tidak Dikembalikan-**


**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**
**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / BPAK / 05

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Malam Hujung Minggu (Weekend Night Market) Di Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan Bagi Bulan November Dan Disember  
Sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Ke Bandar Seri Begawan Kali Ke 55 Bagi Tahun 2025

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**  
Khamis,  
6 November 2025,  
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**  
Bahagian Pengurusan Aset Komersial, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri



**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JPH / 1207-004 / TAW / 405 / 2025-2026  
Penanaman Spesies Dipterocarp Di Kawasan 10 (Seksyen 6, 7 & 8) Di Antara Lembah Sungai Tutong Dan Sungai Belait Inter Riverine Zone (IRZ) Fasa 2

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
11 November 2025,  
Jam 2.00 Petang

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar):**  
BND10.00

**Borang Tawaran:**  
BND15.00

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Didalam**

**Kelas:**  
V & VI Sahaja

**Kategori:**  
[KA01]

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:**  
22 Oktober 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
18 November 2025  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 26 / 2025

**Nama Projek:**  
Membaikpulih Dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Kebangsaan Fasa 2.

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**  
Tidak Ada







**JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
PJB / 3003 / SH / 4-2025  
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang  
Meja Insurans (Kaunter) Dan  
Penempatan Risalah-Risalah  
Insurans Di Dalam Bangunan Ibu  
Pejabat Jabatan Buruh Bagi Tempoh  
Selama 2 Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 5 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
PJB / 3003 / SH / 2-2025  
Tawaran Kawalan Serangga  
Perosak (Pest Control) Bagi  
Tempoh Selama 1-Tahun (12  
Bulan) Di Bangunan Ibu Pejabat,  
Jabatan Buruh Dan Jabatan  
Buruh, Cawangan Daerah Belait

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 5 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
PJB / 3003 / SH / 3-2025  
Tawaran Bagi Penyewaan  
Penempatan Dua (2) Buah  
Vending Machine Di Dalam  
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan  
Buruh Bagi Tempoh 2-Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 5 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDB / BKPD / SH / 17 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Renovation Works On Unit  
Bengkel, Jabatan Daerah Belait

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 18 November 2025



**Bilangan Tawaran:**  
JDB / BKPD / SH / 19 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Upgrading Works To Existing VIP  
Toilet At Dewan Kemasyarakatan  
Kampung Pandan Kuala Belait

**Bilangan Tawaran:**  
JDB / BKPD / SH / 20 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Membekal Kelengkapan Air  
Compressor Untuk Kegunaan  
Mekanik Unit Bengkel Jabatan  
Daerah Belait

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 4 November 2025



Rabu,  
5 November 2025



**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /  
1.2 / 25-26  
Term Contract (12 Months) For  
Maintenance Of Electrical And  
Engineering Works To Institut  
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
19 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /  
1.7 / 25-26 – TL  
Term Contract (12 Months) For  
Maintenance Of Air Conditioning  
And Repair Works To Institut  
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Kampus  
Kekal Jalan RIPAS,  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /  
1.7/25-26 – OSP  
Term Contract (12 Months) For  
Maintenance Of Air Conditioning  
And Repair Works To Institut  
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Block 2H  
Jalan Ong Sum Ping,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
19 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**  
DCA / CCS / 2025 / T3

**Nama Tawaran:**  
To Develop And Operate Retail /  
Food & Beverage Outlet At  
Brunei International Airport

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
25 November 2025  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)



**Perkara: Labour Charge  
Kuantiti: 1**

**Perkara: Battery MF  
Kuantiti: 1**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa  
11 November 2025  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / KPD / 12 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**  
Comprehensive Repair Of JCB  
3DX Super 4WD Backhoe Loader  
(BG2484) – Rectification  
(Out Of Service), Hydraulic  
System, Boom Refurbishment,  
Tire Replacement And Towing

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**

**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN  
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)**

**Bab 7(A)**

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada  
orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat  
dengan Perkhidmatan Awam Negara  
Brunei Darussalam.

\*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa  
SPA dan Luar Negeri



**Bab 38(B)**

Peraturan 38(B): Khusus bagi  
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang  
sedang berkhidmat di Kementerian  
atau Jabatan dimana kekosongan  
jawatan diiklankan.

\*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



**Bab 38(A)**

Peraturan 38(A): Khusus bagi  
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang  
sedang berkhidmat di Perkhidmatan  
Awam Negara Brunei Darussalam.

\*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk  
Tawaran:**  
AUD / BPK / Q&T / 2025-2026 /  
10  
Kerja-Kerja Membaiki  
Kenderaan Kerajaan Berdaftar  
BG339 (Hyundai Santa Fe)  
Di Jabatan Audit,  
Bangunan Bahirah

**Perkara:**  
High Pressure Pump  
Kuantiti: 1

**Perkara:**  
Injector Assy  
Kuantiti : 4

**Perkara:**  
Fuel Filter  
Kuantiti: 1

**Perkara:**  
Intake Mainfold Gasket  
Kuantiti: 1

**Perkara: Timing Chain Kit  
Kuantiti: 1**

**Perkara: Clean Fuel Tank & Fuel  
Lines  
Kuantiti: 1**





**Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.  
BCY / CP / 329 / 2024**

**Perbadanan Tabung Amanah  
Islam Brunei  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**Ednawati Binti Mohammad  
Zaini  
BYIC No. 00-259870  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **20 September  
2025**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**

**Ednawati Binti Mohammad  
Zaini  
No. 32, Kampung Sungai Tampoi,  
Sengkuring, BG1721,  
Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen:  
18 Jun 2025**

Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut diatas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi dengan seberapa boleh.  
Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut diatas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat Dua, Bangunan  
Mahkamah Besar, Bandar Seri  
Begawan, Brunei Darussalam.**

**Tarikh:  
1 Oktober 2025**

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **20 September 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara diatas akan diadakan di  
**Pejabat Pegawai Penerima**

**Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-17),  
Mahkamah Besar pada 18  
November 2025 jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu  
mengundi disana bukti-bukti  
kamu mestilah diserahkan-simpan  
kepada saya tidak lewat dari 24  
jam sebelum waktu yang  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan  
digunakan di perjumpaan ini  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang telah  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **18 November 2025 jam  
10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi  
kuasa secara bertulis, bolehlah  
menyoal penghutang semasa  
pemeriksaan awam penghutang,  
mengenai dengan hal-halnya dan  
juga sebab kegagalannya.

**Tarikh:  
1 Oktober 2025**

**Raihan Nabilah Binti Haji  
Ahmad Ghazali  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi**

**b/p Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar**

**Kes No.  
BCY / CP / 503 / 2008**

**Baiduri Finance Berhad  
[Previously filed by HSBC  
Finance (B) Berhad]  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**Mohamed Daud Bin Mohamad  
Saruai  
(BYIC NO. 00-067830)  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa  
Perintah Penerimaan yang di buat  
terhadap Penghutang berikut  
pada **14 Mei 2009 telah  
dibatalkan pada 11 September  
2025**.

**Nama Penghutang:  
Mohamed Daud Bin Mohamad  
Saruai**

**Alamat Penghutang:  
No 4, Jalan 39, Simpang 52,  
Kampung Perpindahan Rimba.  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh: 18 September 2025**

**Nuuror-Raheebah Binti Haji  
Abd Wahab  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar**

**Kes No.  
BCY / CP / 100 / 2024**

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**Muhamad Jalani Bin Haji Tuah  
BYIC No. 00-285824  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **14 Ogos 2025**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:  
Muhamad Jalani Bin Haji Tuah  
No. 2035, Kg. Junjongan,  
Jalan Limau Manis, BH2123,  
Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen:**

7 November 2024

Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut diatas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi dengan seberapa boleh.  
Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut diatas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat Dua, Bangunan  
Mahkamah Besar, Bandar Seri  
Begawan, Brunei Darussalam.**

**Tarikh:  
30 September 2025**

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **14 Ogos 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
Pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara diatas akan diadakan di  
**Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),  
Mahkamah Besar pada 24  
November 2025 jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu  
mengundi disana bukti-bukti  
kamu mestilah diserahkan-simpan  
kepada saya tidak lewat dari 24  
jam sebelum waktu yang  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan  
digunakan di perjumpaan ini  
mestilah diserahkan-simpan kepada  
saya tidak lewat dari 24 jam  
sebelum waktu yang telah  
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **24 November 2025 jam  
9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang  
yang telah menyerahkan bukti,  
atau wakil-wakilnya yang diberi  
kuasa secara bertulis, bolehlah  
menyoal penghutang semasa  
pemeriksaan awam penghutang,  
mengenai dengan hal-halnya dan  
juga sebab kegagalannya.

**Tarikh:  
30 September 2025**

**Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg  
Jufrihar @ Pg Tajuddin  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
b/p Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar**



## KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

### AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

#### BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK  
\$10,000  
DAN PENJARA SELAMA  
2 TAHUN**



#### PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN  
TATATERTIB DAN BOLEH  
DITAMATKAN PERKHIDMATAN  
DENGAN SERTA-MERTA.**



## MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

#### PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.  
*Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan*

#### MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN


Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat [ulp.spa@spa.gov.bn](mailto:ulp.spa@spa.gov.bn)







# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

## FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

## LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

## TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular





# MOU MEWUJUDKAN PLATFORM PERKONGSIAN ILMU, KEPAKARAN DALAM BIDANG ICT



MENANDATANGANI MoU tersebut bagi pihak Politeknik Brunei (PB) ialah Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman, manakala mewakili Huawei, Principal Business Development Manager Huawei, Peng Limeng.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Oktober. - Politeknik Brunei (PB) dan Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. (Huawei) secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), menandakan permulaan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi tersebut. Majlis menandatangani MoU tersebut diadakan di Kampus Ong Sum Ping, Politeknik Brunei, Bandar Seri Begawan.

Menandatangani bagi pihak PB ialah Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman, manakala mewakili Huawei, Principal Business Development Manager Huawei, Peng Limeng.

Majlis tersebut disaksikan oleh Pemangku Pengetua PB, Dayang Hajah Armah binti Tengah manakala mewakili Huawei, Account Director Huawei, Chen Shaoyu.

Terdahulu, Pengiran Dr. Saiful Baharin dalam ucapan alu-aluan berkata, salah satu inisiatif utama di bawah kerjasama tersebut ialah pelaksanaan kursus-kursus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Huawei di PB.

Kursus-kursus berkenaan bertujuan melahirkan tenaga profesional ICT yang berkemahiran tinggi serta membolehkan pelajar-pelajar memperoleh kelayakan yang diiktiraf oleh industri, termasuk pensijilan rasmi Huawei.

Inisiatif itu secara tidak langsung



memberi peluang berharga kepada kakitangan dan pelajar untuk mendapatkan pensijilan bertaraf antarabangsa sepanjang tempoh pengajian mereka di PB.

"Selain itu, kerjasama ini turut merangkumi rangka kerja yang menyediakan pengalaman pembelajaran berasaskan industri secara menyeluruh kepada pelajar. Antara yang termasuk dalam program ini ialah sesi perkongsian industri, kursus pensijilan seperti Huawei Certified ICT Associate dalam Cloud Service Solutions Architect dan kursus 5G seperti penyertaan dalam pertandingan ICT anjuran Huawei, lawatan akademik ke ibu pejabat Huawei di Republik Rakyat China, program latihan industri, serta peluang penempatan kerjaya. Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan program ini akan

menerima pensijilan rasmi daripada Huawei," jelasnya lagi.

Kerjasama ini juga bertujuan mewujudkan satu platform bagi perkongsian ilmu, kepakaran dan sumber yang memberi manfaat kepada kedua-dua institusi, khususnya kepada para pelajar PB.

Penandatanganan tersebut menandakan permulaan kepada satu kerjasama strategik yang bertujuan memperkukuh hubungan dalam bidang penyelidikan, pendidikan, serta program latihan dalam bidang ICT.

Melalui MoU itu juga, akan dilancarkan Program Politeknik Brunei-Huawei Talent Pool yang akan memberikan keutamaan kepada para pelajar PB untuk mengikuti latihan industri serta peluang pekerjaan sepenuh masa dalam ekosistem Huawei.

## Mengetengahkan kreativiti, keupayaan pelajar dalam menyelesaikan masalah



KETUA Pusat Inovasi Keusahawanan, Awang Adna Shatriemie bin Haji A. Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut (atas), manakala gambar kanan, antara yang mengunjungi pameran berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Oktober. - Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Sekolah Perdagangan, Politeknik Brunei mengadakan Pameran Projek Akhir Tahun Semester 1, Sesi 2025 / 2026 berlangsung di Dewan Lifelong Learning Centre,

Lambak Kanan, di sini.

Pameran berkenaan yang bertemakan 'Unity in Diversity' mengetengahkan kreativiti, pemikiran kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar merentasi pelbagai bidang kepakaran.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Acara dikendalikan oleh pelajar tahun akhir daripada Program Diploma in Business Studies (Human Resource Management) Pengambilan Ke-12 serta Program Diploma in Human Capital Management, Diploma in Entrepreneurship and Marketing Strategies, Diploma in Digital Arts and Media, Diploma in Application

Development, Diploma in Cloud and Networking, dan Diploma in Data Analytics Pengambilan Ke-13.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Pusat Inovasi Keusahawanan, Awang Adna Shatriemie bin Haji A. Abdul Rahman.

Pameran berkenaan berperanan

sebagai platform penting bagi para pelajar mempamerkan hasil kajian, kemahiran teknikal serta kreativiti yang telah dibangunkan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Ia telah memberikan pengiktirafan terhadap pencapaian pelajar dalam bidang perdagangan, media serta teknologi maklumat dan komunikasi, sambil membuka ruang kepada pertukaran idea dan pemikiran inovatif.

Selaras dengan tema 'Unity in Diversity', pameran tersebut menonjolkan kepelbagaian program pengajian yang saling melengkapi dalam membentuk penyelesaian masa depan yang lebih mampan dan berdaya saing.

Acara berkenaan juga telah menjadi jambatan penghubung antara pelajar, pakar industri dan ahli akademik bagi memperkukuhkan jaringan profesional, kerjasama strategik serta perkongsian pengetahuan yang berimpak.

Orang ramai dialu-alukan untuk menghadiri pameran tersebut yang sedang berlangsung pada 29 Oktober 2025 dari jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang, dan 30 Oktober 2025 dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.





# Memahami algoritma, kelebihanannya, kekurangannya

## Pendahuluan

DALAM dunia digital, istilah 'algoritma' sering kali disebut-sebut, sama ada dalam perbualan harian, berita teknologi atau penerangan tentang bagaimana platform media sosial berfungsi. Namun, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan algoritma? Secara ringkasnya, algoritma ialah satu set langkah atau prosedur yang teratur dan direka untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau menyempurnakan sesuatu tugas. Bayangkan ia seperti resipi, untuk membakar kek, kita perlu mengikut urutan langkah yang betul bermula dari langkah mengayak tepung, kemudian memukul mentega yang sudah itu ditambah telur, dan pada langkah akhir adunan dibakar pada suhu tertentu. Jika kita mengikut algoritma ini dengan betul, hasilnya ialah sebuah kek yang sempurna. Dalam konteks pengkomputeran, algoritma adalah teras kepada semua perisian dan aplikasi yang memberitahu komputer apa yang perlu dilakukan, langkah demi langkah.

## Bagaimana algoritma membantu kita?

Kepentingan dan bantuan algoritma dalam kehidupan moden sukar untuk dinafikan. Kehebatannya terletak pada keupayaannya dalam memproses maklumat secara pantas, cekap, dan pada skala yang tidak mampu dicapai oleh manusia. Algoritma mengautomasikan tugas-tugas rutin yang kompleks dan memakan masa. Mesin carian seperti Google menggunakan algoritma yang rumit untuk menyaring berbilion-bilion laman sesawang dan memberikan hasil yang paling relevan dalam masa kurang sesaat. Di kilang-kilang pula, algoritma mengawal robot pemasangan, meningkatkan kelajuan dan ketepatan pengeluaran.

Platform audio dan visual seperti Netflix, Spotify dan YouTube menggunakan algoritma untuk menganalisis tingkah laku dan keutamaan kita dari segi konten yang menjadi pilihan kita. Dengan memerhatikan apa yang kita tonton atau dengar, algoritma ini mencadangkan filem, lagu atau video yang kita mungkin minati, menjadikan pengalaman pengguna lebih peribadi dan menarik. Dalam bidang perubatan, algoritma membantu dalam diagnosis penyakit. Dengan menganalisis imej perubatan seperti X-ray atau imbasan MRI, algoritma Kecerdasan Buatan (AI) dapat membantu doktor mengesan tanda-tanda awal penyakit seperti kanser dengan ketepatan yang tinggi. Ia juga digunakan untuk menjangka wabak penyakit dan penyelidikan ubat-ubatan baharu. Dalam sistem perbankan dalam talian dan aplikasi kewangan, algoritma digunakan untuk mengesan transaksi mencurigakan yang membawa risiko penipuan. Di pasaran saham, algoritma perdagangan berkelajuan tinggi boleh membuat berjuta-juta keputusan dagangan dalam sesaat berdasarkan data pasaran.

Media sosial seperti Facebook, Instagram, dan TikTok sepenuhnya bergantung pada algoritma untuk menentukan kandungan mana yang ditunjukkan dalam *newsfeed* ataupun suapan berita pengguna. Algoritma ini bertujuan untuk menunjukkan kandungan yang paling berkemungkinan menarik perhatian kita, menghubungkan kita dengan rakan, keluarga, dan maklumat terkini yang mungkin relevan kepada kita.

## Bagaimana algoritma boleh membawa permasalahan?

Walaupun algoritma adalah alat yang sangat berguna, kekuatannya juga membawa kepada beberapa cabaran dan

masalah yang serius. Masalah sering timbul bukan kerana algoritma itu sendiri, tetapi kerana cara ia direka, data yang digunakannya, dan matlamat yang ditetapkan oleh penciptanya.

Algoritma belajar daripada data. Jika data yang digunakan untuk melatihnya mengandungi bias ataupun sifat berat sebelah manusia seperti sifat berat sebelah dari segi memberi keutamaan berdasarkan jantina, kaum, atau latar belakang sosioekonomi, algoritma itu akan menggandakan dan memperkukuhkan keutamaan tersebut. Sebagai contoh, ini telah dilihat dalam sistem penjagaan kesihatan yang kurang berkesan untuk kumpulan minoriti, alat pengambilan kerja yang meminggirkan permohonan daripada wanita, atau sistem keadilan jenayah yang memberikan hukuman yang lebih berat kepada kumpulan tertentu.

Algoritma media sosial direka untuk mengekalkan perhatian kita. Untuk berbuat demikian, ia sering menunjukkan kandungan yang selari dengan pandangan sedia ada kita. Lama-kelamaan, ini mewujudkan *echo chamber* atau 'kamar gema' di mana kita hanya terdedah kepada pendapat yang mengukuhkan kepercayaan kita sendiri, tanpa mendapat perspektif alternatif. Ini menyumbang kepada peningkatan polarisasi politik dan perpecahan sosial. Banyak algoritma, terutamanya yang berasaskan pembelajaran mendalam adalah 'kotak hitam'. Malah pembangunnya sendiri sukar untuk menerangkan dengan tepat bagaimana algoritma tersebut mencapai sesuatu keputusan tertentu. Ini menimbulkan isu akauntabiliti, terutamanya apabila keputusan algoritma memberi kesan besar kepada hidup seseorang, seperti dalam permohonan pinjaman atau penilaian risiko jenayah. Siapa yang harus dipersalahkan jika algoritma membuat keputusan yang

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Ihsan Freepik

salah?

Untuk berfungsi dengan berkesan, algoritma yang diperibadikan memerlukan sejumlah besar data peribadi. Pengumpulan, penyimpanan, dan analisis data ini menimbulkan kebimbangan serius tentang privasi dan pengawasan. Pengguna sering kali tidak sedar tentang sejauh mana data mereka dikumpul dan digunakan untuk memanipulasi tingkah laku mereka, sama ada untuk tujuan komersial atau politik. Automasi yang didorong oleh algoritma telah menggantikan banyak pekerjaan rutin dalam pembuatan dan perkhidmatan. Walaupun ia mencipta peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknologi, terdapat kebimbangan yang nyata tentang peningkatan kadar pengangguran dalam sektor tertentu dan keperluan untuk latihan semula pekerja yang besar-besaran.

## Kesimpulan

Algoritma di satu sisi adalah alat yang sangat berkuasa yang telah merevolusikan cara kita hidup, bekerja, dan berkomunikasi, menawarkan kecekapan dan kemudahan yang tidak terbayangkan sebelum ini. Di sisi lain, tanpa kawalan, etika, dan pemahaman yang sewajarnya, ia berpotensi untuk memperkukuhkan ketidaksamaan, memecahbelahkan masyarakat, dan mengikis autonomi peribadi. Sebagai pengguna, adalah penting untuk kita bukan sahaja menghargai manfaat algoritma, tetapi juga untuk mempersoalkan fungsinya, memperjuangkan ketelusan, dan memastikan bahawa teknologi ini dibangunkan dan digunakan dengan cara yang bertanggungjawab dan adil untuk semua.







## Bertani, bercucuk tanam bukan kerja lekeh, tetapi amat dipuji agama

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**N**EGARA Brunei Darussalam sememangnya amat komited dalam sama-sama berperanan untuk meningkatkan produktiviti pertanian baik bagi negara sendiri mahupun di rantau ASEAN. Bagi tujuan itu pembangunan pertanian, sektor penternakan adalah faktor penting bagi perbekalan mapan pemakanan negara, lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi global yang meruncing ketika ini. Dalam hal ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) adalah autoriti yang bertanggungjawab ke atas pembangunan pertanian dan pengeluaran agrimakanan negara dan juga menjadi tonggak utama dalam perekonomian negara agar tidak hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja.

Memandangkan sumber pertanian dan agrimakanan amat penting untuk negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan 1 November setiap tahun sebagai Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN). Pengiktirafan dan mengenang jasa peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini adalah sebagai penghargaan atas sumbangan yang diberikan dalam mengembangkannya sektor pertanian, agrimakanan serta untuk kesejahteraan penduduk negara ini.

Pengisytiharan tersebut telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika

baginda berkenan merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampung Tungku pada 19 November 2009.

"Bidang pertanian di merata dunia sudah mengalami perubahan yang deras. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan prasarana yang sesuai bagi menghadapi segala kemungkinan. Maka atas asas inilah, kerajaan beta, melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan terus menyediakan bantuan, bimbingan dan prasarana bagi membolehkan pertanian di negara ini berdaya maju.

"Para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian, digalakkan untuk menyertai usaha-usaha penghijauan bumi ini, kerana tanpa penglibatan mereka, usaha-usaha kerajaan akan kurang berjaya.

"Sebagai pengiktirafan terhadap usaha-usaha dan sumbangan para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian di negara ini, beta dengan sukacita mengisytiharkan, bahawa pada setiap 1 November sebagai HPPPN bagi Negara Brunei Darussalam. Semoga dengan pengiktirafan ini, para petani, peladang, penternak dan nelayan serta pengusaha pertanian akan meneruskan usaha murni mereka untuk membantu kerajaan dan juga membantu diri mereka sendiri".

Objektif Sambutan HPPPN ialah untuk menghargai dan meraikan sumbangan dan jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan di negara ini yang telah banyak berkorban, bekerja keras dan komited di dalam memastikan sekuriti makanan negara adalah tercapai dan ia juga merupakan satu platform bagi kerajaan dan orang ramai menunjukkan penghargaan dan menyokong komitmen mereka ini

sebagai penyumbang kepada bekalan makanan negara dan sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.

Di samping nikmat bumi subur, kita juga menikmati suasana dan keadaan yang aman, terlepas dari pelbagai musibah yang berat-berat, seperti bencana-bencana alam yang merosakkan bumi dan harta benda.

Di negara kita, Alhamdulillah, bumi dan iklim serta keadaan adalah sangat memberangsangkan untuk mencari penghidupan dengan cara mengusahakan tanah. Terdapat banyak bahagian bumi yang subur di dunia ini tetapi banyak juga yang tidak dapat dimanfaatkan oleh warganya, kerana terhalang oleh pelbagai kejadian atau musibah. Lain lagi, setengahnya itu, ada yang memang tidak memiliki tanah dan iklim yang sesuai untuk pengeluaran makanan.

Pekerjaan bertani dan bercucuk tanam bukanlah satu kerja lekeh, tetapi amat dipuji dan digalakkan oleh agama kerana manfaatnya bukan untuk individu tertentu saja, malahan bagi sekalian makhluk Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana ada hadis yang bermaksud : "Bahawa seorang Muslim yang bertanam itu, kemudian hasil tanamannya dimakan oleh manusia, binatang dan burung, semuanya itu akan jadi sedekah baginya sehingga hari kiamat".

Tujuan utama pertanian dan perikanan pada awalnya adalah untuk memenuhi keperluan asasi manusia iaitu makanan dan minuman.

Namun dengan perkembangan sains dan teknologi yang berasaskan kepada kajian dan penyelidikan, ia telah berkembang kepada bidang penternakan. Selain itu, pelbagai inovasi telah dicipta dalam bidang pertanian dan perikanan.

Ini telah meningkatkan kecekapan, menjimatkan masa dan kos dan berupaya meningkatkan hasil pengeluaran dan pada masa yang sama ia mesra alam dan tiada

memudaratkan. Apa yang nyata sekarang ialah pertanian dan perikanan adalah satu bidang perniagaan yang memberi peluang yang besar kepada umat Islam khususnya dalam pengeluaran makanan dan produk makanan halal yang membuka peluang pekerjaan dan keuntungan kepada pelabur dan pengusaha. Berbagai-bagai strategi program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak yang berkaitan dalam meningkatkan sumbangan ke arah sektor pertanian dan perikanan bagi pembangunan negara. Oleh itu, bagi mendukung dan menjayakan apa jua program dan projek tersebut, kita hendaklah bijak mengambil peluang dan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dalam memajukan Sektor Pertanian dan Perikanan ini.

Ini juga selaras dengan hasrat negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak hanya bergantung pada hasil minyak dan gas dan juga hasrat negara untuk meningkatkan lagi kualiti hidup dengan mengekalkan sumber alam sekitar yang sihat dan bersih.

Oleh itu, para peladang, petani, nelayan dan penternak selaku pemakmur bumi harus berbangga dengan pekerjaan yang telah mereka lakukan lebih-lebih lagi ia juga merupakan satu ibadah dan turut sama memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Marilah kita memberi sokongan kepada para petani, penternak dan nelayan kerana dengan usaha dan titik peluh merekalah kita memperoleh sumber makanan. Sama-samalah kita berdoa semoga negara kita akan sentiasa maju dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan, sekali gus akan dapat meningkatkan dan mempelbagaikan lagi ekonomi negara. *Amin Yaa Rabbal Alamin.*





# SESI JARINGAN B2B KUKUHKAN KERJASAMA INDUSTRI PELANCONGAN TEMPATAN



**PEMANGKU** Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh hadir pada acara tersebut (atas), manakala gambar kanan, sesi perbincangan panel yang menampilkan seramai lima pengamal teknologi.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Oktober. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan menganjurkan Sesi Jaringan Perniagaan (B2B Networking Session) bertemakan Pendigitalan (Digitalisation), bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Acara tersebut menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam industri pelancongan termasuk pengusaha hotel, ejen pelancongan, syarikat pengurusan acara serta penyedia perkhidmatan pelancongan, dengan matlamat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



untuk memperkukuh transformasi digital dalam sektor pelancongan Brunei melalui perkongsian ilmu, dialog terbuka dan jaringan strategik antara industri dan penyedia teknologi.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh, yang antara lain menekankan kepentingan

pendigitalan yang kini menjadi keperluan untuk meningkatkan daya saing dan menarik pelancong baharu dan berharap perbincangan hari ini akan menginspirasi para jemputan untuk memperkukuh digitalisasi dan inovasi dalam industri pelancongan.

Sesi diteruskan dengan pembentangan oleh seorang pakar industri digital, Albert Hwong dari Dynamik Technologies Sdn. Bhd.,

yang mengongsikan mengenai landskap pendigitalan yang kian berkembang dalam sektor pelancongan.

Seterusnya, sesi perbincangan panel menampilkan seramai lima pengamal teknologi yang membincangkan penggunaan digital dalam operasi harian dan perkhidmatan pelanggan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Fokus utama sesi berkenaan adalah untuk memberi peluang kepada para jemputan bagi memperkenalkan perkhidmatan masing-masing, mengenal pasti kekurangan dan keperluan industri, serta meneroka potensi penerapan teknologi digital dalam memajukan sektor pelancongan negara.

Sebagai kesinambungan daripada inisiatif ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan akan menyediakan lebih banyak peluang seperti ini bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk pelancongan di Brunei Darussalam, sila layari [www.bruneitourism.com](http://www.bruneitourism.com) atau ikuti laman media sosial rasmi di [@bruneitourism](https://www.instagram.com/bruneitourism).

## Perkhidmatan *shuttle bus* bagi World Children's Day 2025 Talks

Layout Tempat Letak Kereta  
Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah



Tempat letak kereta



Tempat menunggu bas

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BERAKAS**, Rabu, 29 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan *shuttle bus* akan disediakan bagi memudahkan para peserta menghadiri acara World Children's Day 2025 Talks yang akan berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Perkhidmatan *shuttle bus* ini bertujuan untuk melancarkan aliran

lalu lintas dan memudahkan para peserta mendapatkan akses ke lokasi acara tersebut.

Perkhidmatan *shuttle bus* akan disediakan pada 1 November 2025; 8 November 2025 dan 15 November 2025, bermula jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang.

Tempat-tempat *drop-off point* and *pick up point* yang dimaksudkan ialah tempat letak

kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (Indoor Stadium) dan Dewan

Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Orang ramai yang menghadiri acara berkenaan adalah digalakkan untuk meletakkan kenderaan di kawasan letak kereta Stadium Tertutup (Indoor Stadium) dan menggunakan perkhidmatan *shuttle bus* yang disediakan bagi memastikan kelancaran perjalanan

dan mengelakkan kesesakan di kawasan Kementerian Kesihatan. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau layari laman sesawang [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau mengikuti media sosial Kementerian Kesihatan: [@mohbrunei](https://www.instagram.com/mohbrunei).

| Tarikh                  | Waktu Operasi           |
|-------------------------|-------------------------|
| Sabtu, 1 November 2025  | 7:00 pagi – 1:00 petang |
| Sabtu, 8 November 2025  |                         |
| Sabtu, 15 November 2025 |                         |



## Akibat memiliki barang tegahan, minuman keras

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**TUTONG**, Rabu, 29 Oktober. - Mahkamah Majistret Tutong hari ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND39,720 atau 19 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang perempuan warganegara tempatan atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Hajah Normazdina binti Haji Md. Masku memutuskan hukuman terabit selepas Nur Ain binti Mohd. Halid, 32 tahun, mengaku bersalah atas kesalahan memiliki 343 unit *vape*, 16 batang rokok dan 50 gram tembakau pelbagai jenis termasuk memiliki satu botol minuman keras tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap di kawasan RPN Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong oleh pegawai-pegawai Operasi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Kuala Belait pada 21 Jun 2023, pukul 9.54 malam.

Semua barang-barang terlibat iaitu *vape*, rokok, tembakau, minuman keras dan wang tunai dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.





# INDONESIA TETAPKAN KOS HAJI PADA 87.4 JUTA RUPIAH SETIAP JEMAAH

**JAKARTA, 30 Okt.** - Kos purata penyelenggaraan Haji 2026 bagi setiap jemaah Indonesia ditetapkan pada 87.4 juta rupiah (kira-kira RM25,700), iaitu penurunan sekitar dua juta rupiah berbanding tahun lalu.

Ketetapan itu dicapai hasil perbincangan antara Suruhanjaya VIII Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), kerajaan Indonesia dan

Badan Pengelola Keuangan Haji (BPKH) di Kompleks Parlimen pada Rabu.

Pengerusi Suruhanjaya VIII, Marwan Dasopang dalam satu kenyataan berkata jumlah itu dianggap berpatutan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan untuk 221,000 jemaah, dengan purata tempoh berada di Tanah Suci selama 41 hari.

Beliau menjelaskan bahawa

jemaah akan membayar 54.2 juta rupiah, manakala baki 33.2 juta rupiah ditanggung menerusi hasil pelaburan dana Haji. Lebihan sebanyak 149 bilion rupiah akan disimpan sebagai subsidi bagi musim Haji seterusnya.

Beliau juga menegaskan bahawa peningkatan kualiti perkhidmatan kekal menjadi keutamaan, termasuk penyediaan penginapan berhampiran Masjidil

Haram dan Masjid Nabawi, sajian serta pemberian wang saku makanan bercirikan Indonesia, kepada jemaah. - ©BERNAMA

## Gangguan internet jejas NatWest, BT dan Minecraft susulan masalah Microsoft

**LONDON, 30 Okt.** - Gangguan yang menjejaskan Microsoft menyebabkan peningkatan mendadak laporan gangguan perkhidmatan internet melibatkan pelbagai platform termasuk NatWest, Minecraft dan BT, lapor PA Media/dpa.

Laman sesawang Downtetector yang menjejak aduan perkhidmatan dalam talian merekodkan lonjakan laporan pada petang Rabu, dengan lebih 2,000 laporan berkaitan Xbox dan sekurang-kurangnya 500 laporan melibatkan Microsoft Outlook menjelang 6 petang (1800 GMT).

Lapangan Terbang Heathrow turut dilaporkan terjejas. Microsoft Azure, platform awan milik gergasi teknologi itu, memaklumkan pihaknya mengenal pasti punca masalah yang menjejaskan sebahagian perkhidmatan dan sedang memulihkan operasi.

Microsoft menjelaskan pengguna mungkin tidak dapat mengakses pusat pentadbiran (*admin centre*) serta mengalami kelewatan ketika menggunakan perkhidmatan 365 lain, namun menjangkakan semua perkhidmatan pulih sepenuhnya menjelang 11.20 malam.

Dalam kenyataan pada 7.22

malam, syarikat itu berkata, "Kami telah melaksanakan semula konfigurasi terakhir yang diketahui stabil, dan proses ini telah berjaya diselesaikan."

Susulan gangguan itu, proses pengundian di Parlimen Scotland turut digantung apabila ahli parlimen tidak dapat mengundi akibat masalah teknikal.

Insiden ini berlaku hanya sembilan hari selepas masalah serupa di Amazon Web Services (AWS) menjejaskan laman sesawang Jabatan Hasil dan Kastam (HMRC) serta bank-bank di United Kingdom termasuk Lloyds dan Halifax". - ©BERNAMA

## 26 cedera akibat panik selepas gempa bumi landa Republik Turkiye

**ISTANBUL, 29 Okt.** - Sekurang-kurangnya 26 orang cedera dan empat bangunan runtuh selepas gempa bumi bermagnitud 6.1 melanda wilayah Balikesir di barat Republik Turkiye lewat Isnin, menurut pihak berkuasa pada Selasa malam dalam kemas kini terkini, lapor Xinhua.

Dalam hantaran di platform media sosial X, Menteri Kesihatan Kemal Memisoglu memaklumkan jumlah kecederaan meningkat daripada 19 kepada 26 orang, dengan kebanyakan kecederaan berpunca daripada panik dan tindakan orang ramai yang terjun

dari tempat tinggi.

Beliau berkata kesemua mangsa telah menerima rawatan di hospital dan dibenarkan keluar.

Menteri Dalam Negeri Ali Yerlikaya memberitahu pemberita di lokasi kejadian bahawa tiga bangunan yang tidak digunakan dan sebuah kedai telah musnah.

Yerlikaya berkata sebanyak 100 kontena perumahan sementara telah dihantar ke kawasan berkenaan, manakala Balikesir telah menerima bayaran sokongan kecemasan berjumlah 25 juta lira Turkiye (kira-kira US\$596,000) untuk membantu usaha bantuan.

Ketika pemeriksaan di lapangan

masih diteruskan, pihak berkuasa memberi amaran kepada orang ramai agar tidak memasuki bangunan yang mengalami kerosakan.

Agensi Pengurusan Bencana dan Kecemasan Turkiye (AFAD) dalam satu kenyataan di platform X pada Isnin memaklumkan bahawa gempa itu berlaku di daerah Sindirgi, Balikesir pada 10.48 malam waktu tempatan (1948 GMT) pada kedalaman 5.99 kilometer (km).

Gegaran itu turut dirasai di wilayah berhampiran termasuk Istanbul, Bursa dan Izmir. - ©BERNAMA

## 2 suspek rompakan Muzium Louvre ditahan untuk siasatan

**PARIS, 30 Okt.** - Dua lelaki disyaki terlibat dalam kes kecurian barang kemas di Muzium Louvre baru-baru ini telah ditahan untuk siasatan lanjut, lapor Xinhua memetik siaran stesen penyiaran Perancis, BFMTV pada Rabu malam.

Kedua-dua suspek yang berusia lingkungan 30-an itu ditahan pada malam Sabtu dan "sebahagiannya mengaku" terlibat dalam jenayah itu, kata Pendakwa Raya Paris Laure Beccuau. Bagaimanapun, permata yang dicuri masih belum dijumpai, katanya.

Seorang suspek ditahan di Lapangan Terbang Charles de Gaulle, Paris ketika cuba menaiki penerbangan antarabangsa, manakala seorang lagi ditahan tidak lama kemudian di kawasan pinggir utara Paris.

Beccuau berkata penyiasat tidak menolak kemungkinan wujud rangkaian lebih besar di sebalik empat suspek yang dikenal pasti melalui rakaman kamera keselamatan, dengan lebih 150 pemeriksaan forensik telah dijalankan.

Lebih 100 anggota penyiasat digerakkan bagi menjejaki suspek dan memulihkan barang kemas yang hilang, menurut media tempatan. Muzium berkenaan dibuka semula tiga hari selepas kejadian itu, yang melibatkan barang kemas bernilai kira-kira 88 juta (US\$102 juta). - ©BERNAMA

## Gempa bumi bermagnitud 6.4 landa berhampiran Kepulauan Tanimbar, tiada amaran tsunami

**JAKARTA, 29 Okt.** - Gempa bumi bermagnitud 6.4 melanda kawasan berhampiran Kepulauan Tanimbar di wilayah Maluku pada Selasa malam, menurut Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Indonesia, lapor Xinhua.

Gempa bumi itu berlaku pada 9.40 malam waktu tempatan dengan pusat gempa terletak kira-kira 183 kilometer (km) ke barat laut Kepulauan Tanimbar pada kedalaman 185km, menurut BMKG di laman sesawangnya, yang mengesahkan bahawa gempa itu tidak berpotensi mencetuskan tsunami.

Gegaran turut dirasai penduduk, khususnya di Saumlaki dalam daerah pentadbiran Kepulauan Tanimbar.

Namun, tiada laporan kerosakan bangunan atau rumah, kata Ketua Unit Kecemasan di Agensi Pengurusan Bencana daerah itu, Michael Steven Narantery, kepada Xinhua melalui telefon.

Beliau menambah bahawa gegaran itu tidak menyebabkan sebarang kemalangan jiwa. - ©BERNAMA

## 9 maut, 5 hilang dalam banjir di tengah Viet

**HANOI, 29 Okt.** - Sekurang-kurangnya sembilan orang maut manakala lima lagi dilaporkan hilang apabila banjir terus melanda wilayah tengah Viet Nam, lapor Xinhua memetik portal kerajaan pada Rabu.

Menurut Pejabat Jawatankuasa Pemandu Pertahanan Awam Kebangsaan, enam kematian dilaporkan di bandar Da Nang, satu di bandar Hue dan dua lagi di wilayah Quang Ngai.

Ketika mempengerusikan mesyuarat mengenai pemulihan pascabanjir bersama pihak berkuasa tempatan yang terjejas pada Rabu, Perdana Menteri Viet Nam Pham Minh Chinh berkata kejadian kali ini merupakan antara banjir paling teruk pernah melanda tengah Viet Nam, dengan banyak kawasan mengalami taburan hujan tertinggi dalam sejarah.

Menteri Pertanian dan Alam Sekitar Tran Duc Thang berkata banjir telah menenggelamkan 32 daripada 40 perkampungan dan mukim di bandar Hue dan Da Nang, menjejaskan lebih 110,000 isi rumah secara keseluruhan.

Perdana menteri menggesa pihak berkuasa tempatan untuk terus memindahkan penduduk dari kawasan berisiko tanah runtuh dan banjir kilat, serta memastikan bekalan makanan, barangan keperluan asas, air bersih dan bahan pembasmi kuman mencukupi bagi komuniti

## Pegawai kanan syarikat lombong emas didakwa terima hasil aktiviti haram

**TAWAU, 29 Okt.** - Seorang pegawai kanan sebuah syarikat perlombongan emas di sini dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas empat pertuduhan menerima RM230,000 hasil daripada aktiviti haram sejak 2021 hingga 2023.

Brando Pang Tze Chiang, 50, menganggu faham selepas semua pertuduhan dibacakan terhadapnya, namun tiada pengakuan direkodkan daripada lelaki itu kerana kes tersebut akan didengar di Mahkamah Sesyen.

Majistret Don Stiwin Malanjum kemudiannya membenarkan Pang diikat jamin RM10,000 bagi setiap pertuduhan dengan dua penjamin tempatan dan menetapkan esok

untuk sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen di sini.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua lelaki itu didakwa menerima wang masing-masing RM55,000 di akaun Public Bank serta RM75,000 di akaun Hong Leong Bank antara 17 April 2021 hingga 28 Oktober 2021.

Bagi pertuduhan ketiga dan keempat, Pang didakwa menerima wang masing-masing RM40,000 di akaun Public Bank sama serta RM60,000 di akaun Hong Leong Bank sama antara 5 Mei 2022 hingga 2 Februari 2023.

Lelaki itu didakwa menerima wang berkenaan daripada akaun Maybank milik Kedai Emas Sri Hawa ke dalam akaun Public Bank dan Hong Leong Bank miliknya,

yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Dia didakwa mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum mengikut Subseksyen 4(1) akta sama.

Akta itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Megat Mahathir Megat Tharief Afendi manakala Pang diwakili peguam Vivian Thien. - ©BERNAMA



# PERTUMBUHAN APEC DIUNJURKAN 3.1 PERATUS PADA TAHUN 2025



**GYEONGJU**, Korea Selatan, 31 Okt. - Pertumbuhan ekonomi di rantau APEC diunjurkan pada kadar 3.1 peratus pada tahun 2025, sedikit lebih tinggi berbanding anggaran terdahulu, menurut Analisis Aliran Serantau APEC terkini.

Unjuran yang dinaik taraf ini disokong oleh perdagangan yang

kukuh dan permintaan tinggi terhadap barangan berteknologi tinggi, menurut laporan tersebut.

Namun, laporan itu memberi amaran bahawa pertumbuhan mungkin menurun kepada 2.9 peratus pada tahun 2026 apabila hutang awam meningkat dan pemacu sementara berkurangan.

Perdagangan berkembang kukuh pada separuh pertama tahun 2025, dengan nilai eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 6.5 peratus dan 6.1 peratus.

Pertumbuhan eksport dijangka perlahan kepada sekitar 1 peratus tahun depan berikutan ketegangan perdagangan yang berterusan, menurut laporan tersebut.

Hutang kasar kerajaan umum di



APEC dijangka melebihi 110 peratus daripada KDNK menjelang 2026, satu peningkatan ketara berbanding ramalan sebelumnya.

Laporan itu menekankan bahawa kerjasama kekal sebagai sauh penting untuk melindungi kestabilan ekonomi.

Apabila geseran perdagangan meningkat dan ketidakpastian berterusan, persekitaran dasar yang boleh diramal serta dialog terbuka akan menjadi penting untuk memulihkan keyakinan dan mengekalkan pertumbuhan di seluruh rantau ini, menurut laporan tersebut. - ©XINHUA

**FOTO udara ini yang diambil menggunakan dron pada 10 Julai 2025 menunjukkan pemandangan Terminal Kontena Longtan di Pelabuhan Nanjing, Nanjing, Wilayah Jiangsu di timur Republik Rakyat China.**

## Aaron-Wooi Yik ke suku akhir Terbuka Hylo

**KUALA LUMPUR**, 31 Okt. - Beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik mara ke suku akhir Terbuka Hylo 2025 selepas melepasi halangan gandingan Republic Czech Jiri Kral-Ondrej Karl, awal pagi ini.

Pilihan utama kejohanan mengambil masa 38 minit sebelum menyingkirkan pasangan

adik-beradik itu dengan 21-9, 22-20.

Pasangan negara akan berdepan wakil Republik Indonesia, Sabar Karyaman Gutama-Moh Reza Pahlevi yang mengecewakan beregu perancis Christo Popov-Toma Junior Popov 21-12, 21-15.

Perjalanan dua pemain perseorangan wanita negara

terhenti awal apabila K Letshanaa dan S Kisona terkandas di pusingan kedua kepada lawan masing-masing.

Letshanaa tunduk kepada Mia Blichfeldt dari Denmark 11-21, 13-21 manakala Kisona pula tidak berjaya melepasi halangan Putri Kusuma Wardani dari Republik Indonesia apabila tewas 11-21, 13-21. - ©BERNAMA

## Hyundai Motor Korea Selatan mencatatkan kejatuhan 2 digit dalam keuntungan operasi suku ketiga

**SEOUL**, 31 Okt. - Pembuat kereta terbesar Korea Selatan, Hyundai Motor, mencatatkan kejatuhan dua digit dalam keuntungan operasi suku ketiganya disebabkan oleh kesan negatif pengenaan tarif A.S., kata syarikat itu pada hari Khamis. Keuntungan operasi Hyundai merosot 29.2 peratus daripada tahun sebelumnya kepada 2.54 trilion won (1.8 bilion dolar A.S.) pada suku Julai-September.

Perolehan meningkat 8.8 peratus kepada 46.72 trilion won (32.7 bilion dolar), tetapi

pendapatan bersih menjunam 20.5 peratus kepada 2.55 trilion won (1.8 bilion dolar).

Jualan yang kukuh di Amerika Syarikat dan Eropah, serta kadar pertukaran asing yang menggalakkan, menyumbang kepada pendapatan suku ketiga tertinggi, tetapi insentif yang lebih tinggi dan kesan tarif yang mula berkuat kuasa sepenuhnya memberi kesan kepada keuntungan operasi, kata syarikat itu.

Hyundai menjual 1,038,353 unit

di seluruh dunia pada suku ketiga, meningkat 2.6 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas.

Jualan automotif domestiknya meningkat 6.3 peratus kepada 180,558 unit, manakala jualan di luar Korea Selatan meningkat 1.9 peratus kepada 857,795 unit.

Jualan global model elektrik, termasuk hibrid, hibrid *plug-in*, kenderaan elektrik bateri dan kenderaan elektrik sel bahan api, melonjak 25 peratus kepada 252,343 unit pada suku yang dinyatakan. - ©XINHUA

## New York isytihar darurat menjelang penggantungan bantuan makanan persekutuan

**NEW YORK**, 31 Okt. - New York pada Khamis mengisytiharkan darurat menjelang penggantungan bantuan makanan persekutuan ekoran penutupan kerajaan Amerika Syarikat (AS) yang berlarutan, lapor Xinhua.

Dalam sidang akhbar, Gabenor Kathy Hochul meng agensi negeri menanggukkan pengagihan manfaat bagi November "sehingga diberitahu kelak" berikutan kekurangan dana.

"Ketika penutupan kerajaan persekutuan yang diterajui GOP (Parti Republikan) berterusan, pentadbiran Trump enggan mengeluarkan bilion dolar dana persekutuan yang telah diluluskan undang-undang untuk menangani

krisis ini di seluruh negara," kata Hochul.

Dalam beberapa hari kebelakangan ini, beberapa negeri meningkatkan usaha memastikan penerima SNAP mampu membeli makanan pada November.

Gabenor Louisiana Jeff Landry menandatangani perisytiharan darurat minggu lalu bagi membiayai manfaat SNAP untuk penerima yang bergantung kepada program itu.

Di New Mexico, Gabenor Michelle Lujan Grisham pada Rabu mengumumkan peruntukan bantuan makanan kecemasan sebanyak US\$30 juta kepada penduduk melalui kad EBT,

mengisi semula faedah SNAP buat sementara waktu.

Gabenor dan peguam negara Demokrat dari 25 negeri AS memfailkan saman terhadap pentadbiran Trump pada Selasa, mencabar keputusan kerajaan yang mendakwa tidak mempunyai kuasa menggunakan dana kecemasan untuk mengekalkan bantuan makanan kepada berjuta-juta rakyat Amerika bulan depan.

Mereka menggesa mahkamah mengarahkan USDA menggunakan dana luar jangka yang diluluskan Kongres bagi memastikan program itu dapat diteruskan. - ©BERNAMA

## UNSC suarakan kebimbangan terhadap keganasan yang memuncak di Sudan

**NEW YORK**, 31 Okt. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan keganasan di dalam dan sekitar El Fasher, wilayah Darfur Utara, Sudan, lapor Xinhua.

Dalam kenyataan akhbar, anggota majlis mengecam serangan yang dilakukan oleh Rapid Support Forces (RSF) di El Fasher hingga memberi kesan yang amat dahsyat terhadap penduduk awam.

Mereka turut mengecam laporan kekejaman yang dilakukan oleh RSF terhadap penduduk awam, termasuk hukuman mati tanpa perbicaraan dan penahanan sewenang-wenangnya.

Majlis menyuarakan kebimbangan terhadap risiko berlakunya kekejaman berskala besar, termasuk bermotifkan etnik.

Anggota majlis menegaskan bahawa semua pelaku mesti bertanggungjawab atas tindakan mereka.

Mereka turut menuntut agar semua pihak yang terlibat untuk melindungi orang awam serta mematuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa, di samping membenarkan serta memudahkan akses kemanusiaan yang selamat dan tanpa halangan.

Anggota Majlis Keselamatan itu menegaskan semula bahawa keutamaan kini ialah menggesa semua pihak kembali ke meja rundingan bagi mencapai gencatan senjata berkekalan serta proses politik yang menyeluruh, inklusif dan diterajui rakyat Sudan sendiri.

Mereka turut menyeru semua negara anggota PBB agar tidak campur tangan hingga boleh mencetuskan konflik dan ketidakstabilan, sebaliknya menyokong usaha ke arah keamanan berkekalan, mematuhi kewajipan di bawah undang-undang antarabangsa serta melaksanakan resolusi Majlis Keselamatan yang berkaitan.

Majlis Keselamatan PBB juga menegaskan komitmen tidak berbelah bahagi terhadap kedaulatan, kemerdekaan, perpaduan dan keutuhan wilayah Sudan.

Sehubungan itu, Majlis menegaskan semula penolakannya terhadap pembentukan pentadbiran tidak sah di kawasan yang dikuasai oleh RSF. - ©BERNAMA

## Seorang maut, 3 cedera dalam nahas helikopter di Britain

**LONDON**, 31 Okt. - Seorang lelaki berusia 70 tahun maut manakala tiga lagi cedera dalam nahas helikopter di Doncaster, South Yorkshire, lapor polis Britain pada Khamis seperti dilaporkan Xinhua.

Helikopter itu berlepas dari Lapangan Terbang Retford Gamston sebelum terhempas pada pagi Khamis.

Menurut polis, juruterbang berusia 41 tahun serta dua penumpang iaitu seorang wanita berusia 58 tahun dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun mengalami cedera ringan.

Cawangan Siasatan Kemalangan Udara (AAIB) kerajaan Britain memaklumkan bahawa siasatan berhubung insiden itu telah dimulakan. - ©BERNAMA





## PERENANG BRUNEI CIPTA REKOD PERIBADI BAHARU



Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Asia Ke-3

**BAHRAIN**, Rabu, 29 Oktober. - Atlet renang Negara Brunei Darussalam meneruskan persaingan dalam acara akuatik pada hari kedua Sukan Belia Asia Ke-3, di Kolam Renang Khalifa Sports City di Manama, Bahrain.

Beberapa perenang mencapai prestasi terbaik peribadi baharu. Dalam Acara 100 meter Gaya Bebas Wanita (Heat 5), Sharmeen Mohammad Mharvin mencipta rekod peribadi baharu dengan catatan masa 1:01.19 dan mendapat tempat

keenam. Jumlah atlet yang bertanding dalam kumpulan yang sama ialah seramai lapan orang.

Sementara itu, Danniel Chan juga berjaya memecah rekod peribadinya dalam Acara 50m Kuak Lentang Lelaki (Heat 2) dengan catatan masa 29.77 saat, walaupun mendapat tempat terakhir.

Beliau juga turut bertanding dalam Acara 100m Gaya Bebas Lelaki (Heat 1), menduduki tempat keempat daripada lapan dengan catatan masa 58.02 saat, manakala rakan sepasukan Dylan Wong mendapat tempat kelima dengan catatan masa 59.04 saat.

Abbey Wong juga mencatat rekod peribadi baharu dalam Acara 50m Kuak Lentang Wanita (Heat 5) dan menamatkan saingan dalam masa 33.68 saat, manakala Sharmeen mencatat masa 31.09 saat dalam 50m Kuak Lentang Wanita (Heat 2).

**PERENANG**-perenang Brunei berjaya memecah rekod peribadi pada hari kedua Sukan Belia Asia Ke-3, di Manama, Bahrain.

## Family Reunion keluarga besar SIM BIBI eratkan semangat kekeluargaan



**MOMEN**-momen riang ria yang dikongsi bersama ketika berlangsungnya Perkumpulan Hari Keluarga, Keluarga Besar SIM BIBI, yang telah berlangsung di Jalan Bangugus, Kampung Bukit Udal, Tutong (Rumah Polo) (kiri dan kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Keluarga SIM BIBI

**TUTONG**, Jumaat 31 Oktober. - Dengan tujuan untuk mengeratkan silaturahmi serta memberi ruang kepada ahli keluarga meluangkan masa bersama, Ahli Jawatankuasa (AJK) keluarga besar SIM BIBI baru-baru ini mengadakan Perkumpulan Hari Keluarga (Family Reunion) yang berlangsung di Jalan Bangugus, Kampung Bukit Udal, Tutong (Rumah Polo).

Perkumpulan tersebut bertujuan bukan sahaja untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, malah menjadi wadah dalam menyatukan serta meningkatkan semangat

kerjasama dalam kalangan semua ahli keluarga.

Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga diharap dapat menyemai semangat muhibah antara adik-beradik dan ahli keluarga serta memperkukuh institusi kekeluargaan yang sedia ada.

Antara pengisian program termasuk sesi bergambar ramai, sukan ria, Zumba dan cabutan nama bertuah, yang berjaya menceriakan suasana serta mengeratkan lagi hubungan sesama ahli keluarga.

Perkumpulan Hari Keluarga ini juga diharapkan dapat mewujudkan persefahaman dan semangat kekeluargaan serta kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.

## Tahukah Awda

**P**ENGUNAAN Talian Bantu 16993, yang baru sahaja dilancarkan pada 30 Ogos 2025, sebagai saluran utama bagi mendapatkan nasihat dan bantuan berkaitan jenayah siber. Pasukan Polis Diraja Brunei berharap agar orang ramai akan lebih peka, berwaspada, dan tidak mudah terpedaya dengan taktik penipuan dalam talian.

**SUMBER** : Pelita Brunei Edisi September 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

JADIKAN KESIHATAN SEBAGAI ALAT UNTUK BERIBADAH